

LAPORAN TAHUNAN 2023





MALAYSIA BOARD OF TECHNOLOGISTS

A1-3-1 & A1-3-3, Ayer@8,
Jalan P8G, Presint 8,
62250 Putrajaya. Malaysia.

Tel No: 03-8800 6268


Email: info@mbot.org.my

Website: www.mbot.org.my

© 2024 All Rights Reserved.

This publication is confidential and proprietary to Malaysia Board of Technologists. No part of this publication should be reproduced or published in any form by any means, nor should the material be disclosed to third parties without the consent of Malaysia Board of Technologists.

KANDUNGAN



PRAKATA PRESIDEN

>6

01



CARTA ORGANISASI

>30

03



PROGAM- PROGRAM MBOT 2023

>32

04

- MBOT BORNEO SYMPOSIUM 2023
- CEO ROUNDTABLE
- MBOT ENTICE 2023
- TTAC TOWNHALL 2023
- MBOT TUNE SUMMIT 2023
- WTC RED LIPS MENTORSHIP PROGRAM

>8

ANGGOTA LEMBAGA

- SENARAI MESYUARAT LEMBAGA
- SENARAI JAWATANKUASA
- KUNJUNGAN HORMAT



02

>44

PEMBANGUNAN PROFESIONAL



- JUMLAH PENDAFTARAN MENGIKUT KATEGORI
- PENDAFTARAN KESELURUHAN SEHINGGA TAHUN 2023
- STATISTIK BERKAITAN PENILAIAN
- KAEDAH BAHARU PENILAIAN PROFESIONAL 3.0
- PEMBANGUNAN PROFESIONAL BERTERUSAN – CPD
- CARTA ALIR PERMOHONAN TEKNOLOGIS PROFESIONAL (TS.)
- CARTA ALIR PERMOHONAN JURUTEKNIK BERTAULIAH (TC.)
- JENIS-JENIS AKTIVITI CPD MBOT

>53

AKREDITASI



- JUMLAH PROGRAM YANG DILULUSKAN MENGIKUT TAHUN
- JUMLAH PROGRAM YANG DILULUSKAN SEHINGGA TAHUN 2023
- JUMLAH PANEL PENILAI MENGIKUT BIDANG TEKNOLOGI DAN TEKNIKAL
- JUMLAH PROGRAM YANG DILULUSKAN MENGIKUT KATEGORI DAN TAHAP
- SENARAI AHLI TTAC
- BENGKEL PANEL PENILAI TTAC
- LIBAT URUS BERSAMA KEMENTERIAN, PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI DAN AGENSI
- PEMAKLUMAN/ PENGUMUMAN BERKAITAN

>64

LIPUTAN MEDIA



PENYATA KEWANGAN

- RINGKASAN KEWANGAN
- LAPORAN KEWANGAN
- PECAHAN TERIMAAN MBOT 2022
- SIJIL PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN



PRAKATA PRESIDEN

Prof. Datuk Ts. Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir, FASc.

Presiden Lembaga Teknologis Malaysia

Marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi. Dengan limpah kurnia-Nya, Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) berjaya meneruskan usaha dan pelaksanaan pelbagai inisiatif serta program sepanjang tahun 2023.

Pada tahun ini, MBOT menerima 13,802 pendaftaran baharu, menjadikan jumlah keseluruhan kepada 80,658 dalam empat kategori: Teknologis Berijazah, Juruteknik Berkelayakan, Teknologis Profesional (Ts.), dan Juruteknik Bertauliah (Tc.). Di samping itu, MBOT mengiktiraf 249 program melalui Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC), menjadikan jumlah keseluruhan 694 program yang diakreditasi sejak 2017.

Pelbagai program berimpak tinggi telah dilaksanakan, termasuk CEO Roundtable 2023 yang mengumpulkan pengurusan tertinggi pemain industri. Buat pertama kalinya, MBOT Borneo Symposium 2023 telah diadakan di Kuching, Sarawak, dirasmikan oleh YAB Premier Sarawak. Pada Ogos, Global Technological Alliance (GTA) telah dilancarkan bersempena MBOT Experts Network in Technology, Innovation and Cooperative Event (ENTICE 23), dengan penyertaan wakil dari tujuh negara ASEAN. Ini mencerminkan komitmen MBOT untuk memperkasa pertumbuhan bakat dan teknologi secara global.



“

Sejak penerimaan sebagai penandatanganan sementara Seoul Accord pada tahun 2019, MBOT secara konsisten berusaha untuk menjadi penandatanganan penuh Seoul Accord pada tahun 2024.



13,802
pendaftaran
baharu pada
tahun 2023



249
program
melalui TTAC
pada tahun
2023



19

MoU dengan Institusi Pengajian Tinggi semasa MBOT Technology and Technical Education Townhall 2023

MBOT juga telah menzahirkan komitmen dengan pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) dengan 19 Institusi Pengajian Tinggi semasa MBOT Technology and Technical Education Townhall 2023. Perjanjian ini merupakan satu penanda aras penting bagi pendidikan tinggi negara kerana graduan-graduan yang lahir daripada program-program yang menerima akreditasi daripada MBOT akan layak mendaftar secara automatik dengan MBOT.

Sejak penerimaan sebagai penandatanganan sementara Seoul Accord pada tahun 2019, MBOT secara konsisten berusaha untuk menjadi penandatanganan penuh Seoul Accord pada tahun 2024.

Pada tahun 2024, MBOT akan meningkatkan usaha strategik, memberi fokus kepada nilai ahli, menjalinkan kerjasama antarabangsa, dan memperkasakan pihak berkepentingan seperti pelajar, wanita, dan graduan TVET.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Anggota Lembaga dan kakitangan MBOT atas sumbangan sepanjang tahun 2023. Marilah kita terus bekerjasama, menyokong satu sama lain, dan berusaha agar momentum kecemerlangan dapat dipertingkatkan untuk tahun-tahun akan datang.

ANGGOTA LEMBAGA (2022-2023)



**YBhg. Prof. Datuk Ts. Ir. Dr.
Siti Hamisah binti Tapsir, FASc.**

Presiden,
Lembaga Teknologis Malaysia
*Tempoh Lantikan: 17 Mac 2021 –
16 Mac 2024*



**YBhg. Prof. Dato' Ts. Ir. Dr.
Mohamed Ibrahim bin Abdul Mutalib**

Naib Canselor,
Universiti Teknologi Petronas (UTP)
*Tempoh Lantikan: 30 November 2021 –
29 November 2023*



YBrs. Ts. Ir. Yam Teong Sian

Mantan Presiden,
Technological Association Malaysia (TAM)
*Tempoh Lantikan: 20 November 2021 –
19 November 2023*



YBrs. Ts. Dr. Mahaletchumy Arujanan

Pengasas Global,
International Service
for the Acquisition of
Agri-biotech Applications (ISAAA)
*Tempoh Lantikan: 12 Julai 2022 –
11 Julai 2024*



**YBhg. Dato' Ts. Ir.
Abdul Razib bin Dawood**

Ketua Pegawai Eksekutif,
Suruhanjaya Tenaga
*Tempoh Lantikan: 12 Julai 2022
– 11 Julai 2024*



**YBrs. Ts. Dr. Fazidah
binti Abu Bakar**

Ketua Pengarah,
Jabatan Digital Negara
Kementerian Digital
*Tempoh Lantikan: 30 November 2023
– 29 November 2025*



**YBrs. Tc. Mas Muhammad
Haziq bin Saifuddin**

Juruteknik Baik Pulih,
GE Engine Services Malaysia (GE
Aerospace)
*Tempoh Lantikan: 30 November 2023
– 29 November 2025*



**YBrs. Ts. Dr. Nagulendran
a/l Kangayatkarasu**

Timbalan Ketua Setiausaha
Perancangan & Pembudayaan Sains,
Kementerian Sains, Teknologi dan
Inovasi (MOSTI)

*Tempoh Lantikan: 12 Julai 2022 –
16 Februari 2023*



**YBrs. Tc. Kamarul Azman
bin Mohd Ikram**

Penolong Pegawai Latihan
Vokasional Kanan,
Institut Latihan Perindustrian
Bukit Katil

*Tempoh Lantikan: 30 November 2021
– 29 November 2023*



**YBrs. Ts. Mahadhir
bin Aziz**

Ketua Pegawai Eksekutif,
Perbadanan Ekonomi Digital
Malaysia (MDEC)

*Tempoh Lantikan: 30 November 2021
– 29 November 2023*



YBrs. Ts. Liew Choon Lian

Ketua Pegawai Eksekutif,
MDT Innovations Sdn. Bhd.

*Tempoh Lantikan: 30 November 2021
– 29 November 2023*



**YBrs. Ts. Dr. Mohamad
bin Sulaiman**

Ketua Pengarah,
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia
*Tempoh Lantikan: 30 November 2021
– 29 November 2023*



**YBrs. Prof. Madya Ts. Dr.
Ruslinda binti A. Rahim**

Pengarah,
Pusat Nanoteknologi Kebangsaan
(NNC)
Kementerian Sains, Teknologi dan
Inovasi (MOSTI)
*Tempoh Lantikan: 11 April 2023 –
10 April 2026*



**YBrs. Dr. Md Fauzi
bin Md Ismail**

Pendaftar,
Lembaga Teknologis Malaysia

EX-OFFICIO



**YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr.
Zaliman bin Sauli**

Naib Canselor,
Universiti Malaysia Perlis
(UniMAP)
*Tempoh Lantikan: 22 Julai 2022
– 21 Julai 2024*

MESYUARAT LEMBAGA TAHUN 2023

BIL.	SENARAI MESYUARAT	TARIKH	MASA	TEMPAT
1.	Mesyuarat Lembaga Teknologis Malaysia Bilangan 1 Tahun 2023	17 Januari 2023	2.30 petang	Secara Hibrid (Fizikal dan Atas Talian)
2.	Mesyuarat Lembaga Teknologis Malaysia Bilangan 2 Tahun 2023	07 Mac 2023	2.30 petang	Secara Hibrid (Fizikal dan Atas Talian)
3.	Mesyuarat Khas Lembaga Teknologis Malaysia Bilangan 1 Tahun 2023	24 Mac 2023	10.15 Pagi	Secara Hibrid (Fizikal dan Atas Talian)
4.	Mesyuarat Lembaga Teknologis Malaysia Bilangan 3 Tahun 2023	18 April 2023	2.00 petang	Aplikasi Atas Talian (zoom)
5.	Mesyuarat Lembaga Teknologis Malaysia Bilangan 4 Tahun 2023	30 Mei 2023	12.00 tengah hari	Aplikasi Atas Talian (zoom)
6.	Mesyuarat Lembaga Teknologis Malaysia Bilangan 5 Tahun 2023	25 Julai 2023	2.30 petang	Secara Hibrid (Fizikal dan Atas Talian)
7.	Mesyuarat Lembaga Teknologis Malaysia Bilangan 6 Tahun 2023	24 Ogos 2023	2.30 petang	Secara Hibrid (Fizikal dan Atas Talian)
8.	Mesyuarat Lembaga Teknologis Malaysia Bilangan 7 Tahun 2023	29 September 2023	9.00 pagi	Aplikasi Atas Talian (zoom)
9.	Mesyuarat Lembaga Teknologis Malaysia Bilangan 8 Tahun 2023 <i>*Majlis Jasamu Dikenang untuk Anggota Lembaga</i>	31 Oktober 2023	2.30 petang	Secara Hibrid (Fizikal dan Atas Talian)
10.	Mesyuarat Lembaga Teknologis Malaysia Bilangan 9 Tahun 2023	19 Disember 2023	2.30 petang	Secara Hibrid (Fizikal dan Atas Talian)

MESYUARAT PANEL PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

BIL.	SENARAI MESYUARAT	TARIKH	MASA	TEMPAT
1.	Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia Bilangan 1 Tahun 2023	09 Januari 2023	4.00 Petang	Boardroom, MBOT Putrajaya

MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN, KEWANGAN DAN AUDIT

BIL.	SENARAI MESYUARAT	TARIKH	MASA	TEMPAT
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan, Kewangan dan Audit Bilangan 1 Tahun 2023	21 Februari 2023	5.50 Petang	Boardroom, MBOT Putrajaya
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan, Kewangan dan Audit Bilangan 2 Tahun 2023	29 Mei 2023	4.00 Petang	Aplikasi Atas Talian (zoom)

Jawatankuasa Pengurusan, Kewangan dan Audit

- i. Menimbang dan memperakukan cadangan mengenai pelbagai isu-isu sumber manusia dan kewangan/ganjaran;
- ii. Membantu Lembaga mengawal dan mengawasi Dasar dan Sistem Perakaunan, Sistem Kawalan Dalaman, Laporan Kewangan dan Operasi di setiap peringkat pengurusan;
- iii. Memainkan peranan sebagai mekanisme penyemakan dan pengimbangan terhadap semua laporan pengurusan;
- iv. Penyeliaan secara berterusan bagi mengelak sebarang penyelewangan, pecah amanah dan kerugian kepada MBOT;
- v. Menentukan sumber-sumber kewangan dan operasi diuruskan dengan cekap dan berkesan bagi memenuhi objektif MBOT; dan
- vi. Melapor dan memperakukan tindakan susulan yang perlu kepada Lembaga.

MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN SAGA

BIL.	SENARAI MESYUARAT	TARIKH	MASA	TEMPAT
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Saga Bilangan 1 Tahun 2023	20 November 2023	9.00 pagi	Boardroom, MBOT Putrajaya

MESYUARAT JAWATANKUASA PEPERIKSAAN DAN KELAYAKAN

BIL.	SENARAI MESYUARAT	TARIKH	MASA	TEMPAT
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Kelayakan Bilangan 1 Tahun 2023	12 Januari 2023	9.30 Pagi	Boardroom, MBOT Putrajaya
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Kelayakan Bilangan 2 Tahun 2023	21 Februari 2023	9.30 Pagi	Boardroom, MBOT Putrajaya
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Kelayakan Bilangan 3 Tahun 2023	11 April 2023	9.30 Pagi	Boardroom, MBOT Putrajaya
4.	Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Kelayakan Bilangan 4 Tahun 2023	25 Mei 2023	10.00 Pagi	Aplikasi Atas Talian (zoom)
5.	Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Kelayakan Bilangan 5 Tahun 2023	20 Julai 2023	9.30 Pagi	Boardroom, MBOT Putrajaya
6.	Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Kelayakan Bilangan 6 Tahun 2023	25 September 2023	9.30 Pagi	Boardroom, MBOT Putrajaya
7.	Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Kelayakan Bilangan 7 Tahun 2023	25 Oktober 2023	9.00 Pagi	Boardroom, MBOT Putrajaya
8.	Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Kelayakan Bilangan 8 Tahun 2023	12 Disember 2023	9.00 Pagi	Aplikasi Atas Talian (zoom)

Jawatankuasa Peperiksaan dan Kelayakan

- i. Mengesyorkan kelulusan pendaftaran Teknologis dan Juruteknik Berdaftar kepada Lembaga;
- ii. Mengesyorkan kepada Lembaga mengenai pengeluaran Surat Kebenaran;
- iii. Mencadangkan kepada Lembaga mengenai Skim Topping-up yang sesuai untuk calon yang tidak memenuhi keperluan pendaftaran Lembaga; dan
- iv. Meluluskan pendaftaran Teknologis Berijazah dan Juruteknik Berkelayakan.

MESYUARAT LEMBAGA RAYUAN

BIL.	SENARAI MESYUARAT	TARIKH	MASA	TEMPAT
1.	Mesyuarat Lembaga Rayuan, Lembaga Teknologis Malaysia Bilangan 1 Tahun 2023	14 Februari 2023	9.00 Pagi	Boardroom, MBOT Putrajaya
2.	Mesyuarat Lembaga Rayuan, Lembaga Teknologis Malaysia Bilangan 2 Tahun 2023	15 Februari 2023	9.00 Pagi	Boardroom, MBOT Putrajaya
3.	Mesyuarat Lembaga Rayuan, Lembaga Teknologis Malaysia Bilangan 3 Tahun 2023	10 Ogos 2023	9.00 Pagi	Aplikasi Atas Talian (zoom)
4.	Mesyuarat Lembaga Rayuan, Lembaga Teknologis Malaysia Bilangan 4 Tahun 2023	22 November 2023	9.00 Pagi	Aplikasi Atas Talian (zoom)

Lembaga Rayuan

- i. Mengetahui dan memperakui bahawa berlakunya penolakan, pemotongan atau perintah berkaitan bagi setiap notis rayuan yang diterima yang melibatkan seseorang seperti di Seksyen 41 (1) Akta 768;
- ii. Menimbang, mendengar dan meneliti setiap rayuan dengan adil dan saksama;
- iii. Menyelesaikan kes-kes rayuan dengan mengesahkan, mengubah atau mengemukakan keputusan Lembaga;
- iv. Menangani apa-apa keterangan dan maklumat secara sulit dan penglibatan pihak lain adalah berdasarkan keperluan sahaja;
- v. Mengumpulkan segala keterangan, maklumat, bukti atau saksi berkaitan; dan
- vi. Memaklumkan secara bertulis sebarang keputusan atau perintah bagi penguatkuasaan Lembaga.

MESYUARAT JAWATANKUASA PENYIASAT

BIL.	SENARAI MESYUARAT	TARIKH	MASA	TEMPAT
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Penyiasat Bilangan 1 Tahun 2023	20 November 2023	2.30 petang	Aplikasi Atas Talian (zoom)

Jawatankuasa Penyiasat

- i. Menyiasat, meneliti dan memperincikan dokumen berkenaan laporan yang diterima;
- ii. Meneliti sama ada wujud kemungkinan ketidakpatuhan yang dilaksanakan oleh orang yang berdaftar seperti termaktub dalam Akta 768;
- iii. Menjalankan pendengaran atau membuat perintah-perintah di bawah subseksyen 27(1) Akta 768; dan
- iv. Mengemukakan suatu laporan beserta syor bagi pertimbangan Lembaga mengenai sisatan yang dijalankan.

MESYUARAT JAWATANKUASA MAJLIS AKREDITASI TEKNOLOGI DAN TEKNIKAL (TTAC)

BIL.	SENARAI MESYUARAT	TARIKH	MASA	TEMPAT
1.	Mesyuarat Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal Bilangan 1 Tahun 2023	08 Mac 2023	10.30 pagi	Boardroom, MBOT Putrajaya
2.	Mesyuarat Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal Bilangan 2 Tahun 2023	12 April 2023	10.00 pagi	Aplikasi Atas Talian (zoom)
3.	Mesyuarat Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal Bilangan 3 Tahun 2023	29 Mei 2023	2.30 petang	Boardroom, MBOT Putrajaya
4.	Mesyuarat Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal Bilangan 4 Tahun 2023	23 Jun 2023	3.00 petang	Boardroom, MBOT Putrajaya
5.	Mesyuarat Khas Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal Bilangan 1 Tahun 2023	06 Julai 2023	10.00 pagi	Boardroom, MBOT Putrajaya
6.	Mesyuarat Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal Bilangan 5 Tahun 2023	09 Ogos 2023	10.00 pagi	Boardroom, MBOT Putrajaya
7.	Mesyuarat Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal Bilangan 6 Tahun 2023	13 September 2023	10.00 pagi	Boardroom, MBOT Putrajaya
8.	Mesyuarat Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal Bilangan 7 Tahun 2023	13 Oktober 2023	9.30 pagi	Boardroom, MBOT Putrajaya
9.	Mesyuarat Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal Bilangan 8 Tahun 2023	29 November 2023	9.30 pagi	Boardroom, MBOT Putrajaya
10.	Mesyuarat Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal Bilangan 9 Tahun 2023	22 Disember 2023	9.00 pagi	Boardroom, MBOT Putrajaya

Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal

- i. Bertindak sebagai Jawatankuasa Teknikal Bersama Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) selaras dengan seksyen 51 Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 (Akta 679) bagi menyelaraskan proses akreditasi untuk program Teknologi dan Teknikal;
- ii. Meluluskan polisi, garis panduan dan prosedur yang terperinci untuk akreditasi program pengajian;
- iii. Mengesyorkan keputusan akreditasi program pengajian;
- iv. Meluluskan pelantikan panel penilai akreditasi program pengajian;
- v. Mengesyorkan perubahan polisi yang berkaitan dengan akreditasi program pengajian kepada Lembaga; dan
- vi. Menasihati berkenaan perkara-perkara yang berkaitan dengan akreditasi program pengajian.

MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI, LATIHAN DAN PENDIDIKAN

BIL.	SENARAI MESYUARAT	TARIKH	MASA	TEMPAT
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti, Latihan Dan Pendidikan Bilangan 1 Tahun 2023	09 Januari 2023	9.30 pagi	Boardroom, MBOT Putrajaya
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti, Latihan Dan Pendidikan Bilangan 2 Tahun 2023	15 Mac 2023	2.30 petang	Aplikasi Atas Talian (zoom)
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti, Latihan Dan Pendidikan Bilangan 3 Tahun 2023	31 Mei 2023	9.00 pagi	Aplikasi Atas Talian (zoom)
4.	Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti, Latihan Dan Pendidikan Bilangan 4 Tahun 2023	18 Ogos 2023	9.30 pagi	Boardroom, MBOT Putrajaya
5.	Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti, Latihan Dan Pendidikan Bilangan 5 Tahun 2023	15 November 2023	2.30 petang	Boardroom, MBOT Putrajaya

Jawatankuasa Kualiti, Latihan dan Pendidikan

- i. Memastikan Teknologis dan Juruteknik sentiasa mengetahui perkembangan terkini profesion Teknologis dan Juruteknik;
- ii. Menganjurkan dan /atau meluluskan kursus-kursus pembangunan laluan kerjaya (CPD);
- iii. Menetapkan peraturan dan keperluan bagi pelaksanaan CPD untuk Teknologis dan Juruteknik; dan
- iv. Menyediakan garis panduan mengenai bagaimana Teknologis dan Juruteknik boleh menyertai, merekod dan memantau aktiviti CPD mereka untuk memenuhi keperluan CPD.

MESYUARAT JAWATANKUASA PENERBITAN

BIL.	SENARAI MESYUARAT	TARIKH	MASA	TEMPAT
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Penerbitan Bilangan 1 Tahun 2023	06 Januari 2023	3.00 petang	Secara Hibrid (Fizikal dan Atas Talian)
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Penerbitan Bilangan 2 Tahun 2023	23 Mac 2023	11.00 pagi	Aplikasi Atas Talian (zoom)
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Penerbitan Bilangan 3 Tahun 2023	29 Mei 2023	2.30 petang	Aplikasi Atas Talian (zoom)
4.	Mesyuarat Jawatankuasa Penerbitan Bilangan 4 Tahun 2023	02 Ogos 2023	2.30 petang	Aplikasi Atas Talian (zoom)
5.	Mesyuarat Jawatankuasa Penerbitan Bilangan 5 Tahun 2023	25 September 2023	9.30 pagi	Aplikasi Atas Talian (zoom)

Jawatankuasa Penerbitan

- i. Menerbitkan Buletin MBOT; dan
- ii. Menerbitkan dokumen rujukan lain, seperti pekeliling Lembaga, Garis Panduan dan sebagainya, dalam bentuk salinan (hardcopy) /(softcopy) dari semasa ke semasa.

SENARAI KUNJUNGAN HORMAT PRESIDEN & PENDAFTAR SEPANJANG TAHUN 2023

BIL.	JANUARI	TARIKH
1.	Kunjungan Hormat Presiden MBOT kepada Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar	09 Januari 2023
2.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT kepada Ketua Pegawai Eksekutif Bioeconomy Corporation	16 Januari 2023
3.	Kunjung Hormat UiTM dan International Cyber Security Certified Body (ICSCB) kepada Pendaftar MBOT	16 Januari 2023
4.	Majlis Amanat YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi 2023	17 Januari 2023
5.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT ke Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Kemaman, Ranaco Kuantan dan EPIC Sdn. Bhd.	19 Januari 2023
6.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT kepada Ketua Pegawai Eksekutif Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM)	31 Januari 2023





BIL.	FEBRUARI	TARIKH
1.	Kunjungan Hormat Presiden MBOT kepada Ketua Pengarah Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)	10 Februari 2023
2.	Majlis Pelancaran Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah Perkeso 2023 dan Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) antara Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan MBOT	11 Februari 2023
3.	Kunjungan Hormat Presiden MBOT kepada YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud, Timbalan Menteri Sumber Manusia	16 Februari 2023
4.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT kepada City University Malaysia	16 Februari 2023
5.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT kepada Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan Dan Pembudayaan Sains), MOSTI	22 Februari 2023



BIL.	MAC	TARIKH
1.	Sesi Hi-tea Presiden MBOT Bersama MBOT Woman Technologist Chapter	10 Mac 2023
2.	Kunjungan Hormat Presiden MBOT kepada YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi	13 Mac 2023
3.	Program Hi-Tea Majlis Apresiasi Minggu Sains Negara dan <i>Upskilling For Deeptech & Futureskills</i>	14 Mac 2023
4.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT kepada Pengarah Kolej Vokasional Gombak (KVG)	17 Mac 2023
5.	Kunjungan Hormat MBOT Ke Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd. dan MBOT Certification Program Launch for PRPC Group of Companies	21 Mac 2023
6.	Kunjungan Hormat Majlis Ekuine Malaysia kepada Pendaftar MBOT	27 Mac 2023
7.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT kepada Naib Canselor University of Cyberjaya	28 Mac 2023



BIL.	APRIL	TARIKH
1.	Lawatan Panel Penilai Seoul Accord ke Malaysia	03 – 07 April 2023
2.	Kunjungan Hormat Pendaftar ke Carsome Academy	10 April 2023



BIL.	MEI	TARIKH
1.	MBOT Borneo Symposium 2023	11 Mei 2023
2.	Kunjungan Hormat Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) kepada Pendaftar MBOT	15 Mei 2023
3.	Kerjasama Strategik antara Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dengan MBOT	18 Mei 2023
4.	Kerjasama Strategik antara TNB Integrated Learning Solution Sdn. Bhd. (ILSAS-TNB) dengan MBOT	22 Mei 2023
5.	Majlis Perasmian Karnival Minggu Sains Negara (MSN) 2023 Peringkat Negeri Sembilan	27 Mei 2023



BIL.	JUN	TARIKH
1.	Sesi CEO Roundtable	06 Jun 2023
2.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT Kepada Naib Canselor Multimedia University	07 Jun 2023
3.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT Kepada Ketua Eksekutif Medical Device Authority (MDA)	08 Jun 2023
4.	MBOT Open Day 2023	12 Jun 2023
5.	Seoul Accord General Meeting 2023	17 - 18 Jun 2023
6.	Kunjungan Hormat MBOT ke Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)	20 Jun 2023
7.	Bengkel Pemurnian Prosedur Kerja Pendaftaran Profesional Keahlian MBOT	23 Jun 2023
8.	Kunjungan Hormat MBOT kepada Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia	27 Jun 2023



BIL.	JULAI	TARIKH
1.	Kerjasama Strategik Antara MBOT dan Sunpower Malaysia Manufacturing Sdn. Bhd.	03 Julai 2023
2.	<i>Telecommunication & Broadcasting Professional Technologist Conference 2023: Empowering Technologist Profession & Digital Technology</i>	15 Julai 2023
3.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT kepada Naib Canselor Quest International University (QIU)	18 Julai 2023
4.	Kunjungan Hormat MBOT kepada Naib Canselor Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)	18 Julai 2023
5.	Kerjasama Strategik MBOT dan UEM Sunrise Berhad	20 Julai 2023
6.	Kunjungan Hormat Presiden MBOT kepada Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB)	20 Julai 2023
7.	Kerjasama Strategik di antara MBOT dan Johor Port	21 Julai 2023



BIL.	OGOS	TARIKH
1.	Kunjungan Hormat Presiden MBOT kepada YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia (KSM)	01 Ogos 2023
2.	Kunjungan Hormat Pemangku Ketua Eksekutif National Cyber Security Agency (NACSA) kepada Presiden MBOT	02 Ogos 2023
3.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT kepada Delegasi Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)	02 Ogos 2023
4.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT kepada Naib Canselor Limkokwing University	03 Ogos 2023
5.	<i>MBOT Experts Network In Technology, Innovation and Cooperative Event (MBOT ENTICE 2023)</i>	15 Ogos 2023
6.	Mesyuarat <i>Global Technological Alliance (GTA)</i>	16 Ogos 2023
7.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT kepada Timbalan Ketua Pengarah Radio Televisyen Malaysia (RTM)	18 Ogos 2023
8.	Bengkel Penglibatan Ts. dan Tc. dalam Projek-projek ICT Sektor Awam	22-23 Ogos 2023
9.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT Kepada Naib Canselor International Medical University (IMU)	25 Ogos 2023





BIL.	SEPTEMBER	TARIKH
1.	Majlis Pertukaran MoU Aerospace Malaysia Innovation Centre (AMIC) dan MBOT	08 September 2023
2.	Kunjungan Hormat Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) kepada Pendaftar MBOT	14 September 2023
3.	Kunjungan Hormat Pengarah Jabatan Kerja Raya Sarawak kepada MBOT	22 September 2023
4.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT kepada Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Technical Standards Forum Bhd (MTSFB)	25 September 2023
5.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT kepada Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN)	26 September 2023



BIL.	OKTOBER	TARIKH
1.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT kepada Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran (KPPK)	02 Oktober 2023
2.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT ke Lembaga Pembangunan Industri Binaan (CIDB) Negeri Sarawak	09 Oktober 2023
3.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT ke Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) Sarawak	09 Oktober 2023
4.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT ke Centre for Technology Excellence Sarawak (CENTEXS)	09 Oktober 2023
5.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT ke Hornbill Skyways Sdn. Bhd.	10 Oktober 2023
6.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT ke Sarawak Multimedia Authority (SMA)	10 Oktober 2023
8.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT ke Sarawak Economic Development Corporation (SEDC)	10 Oktober 2023
9.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT ke Sarawak Energy Berhad	10 Oktober 2023
10.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT ke Sarawak Metro Sdn. Bhd.	11 Oktober 2023
11.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT ke Sarawak Centre of Performance Excellence (SCOPE)	11 Oktober 2023
12.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT ke Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd.	11 Oktober 2023
13.	Presiden MBOT sebagai Panel Forum MCMC Capacity Development Conference (CDC) 2023	11 Oktober 2023
14.	South East Asia Cybersecurity Consortium (SEACC) Forum oleh Association of Information Security Professionals (AiSP), Singapura	16 Oktober 2023
15.	Kunjungan Hormat Presiden MBOT kepada Presiden Singapore Institute of Technology (SIT)	16 Oktober 2023
16.	<i>MBOT Technology & Technical Education (TTAC) Townhall</i>	17 Oktober 2023
17.	Pendaftar sebagai Panel Pembentangan Laporan Projek Program Sangkutan Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan ke Syarikat Swasta German (GCAP) Tahun 2023	26 Oktober 2023
18.	Kunjungan Hormat Presiden MBOT kepada Naib Canselor Universiti College Yayasan Pahang (UCYP)	27 Oktober 2023
19.	Kunjungan Hormat Presiden MBOT kepada Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang Al Sultan Abdullah (UMPSA)	27 Oktober 2023


BIL.	NOVEMBER	TARIKH
1.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT ke HeiTech Padu Berhad	01 November 2023
2.	Majlis Alumni Professional Talk dan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman di antara MBOT dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	02 November 2023
3.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT kepada Pengarah Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV)	06 November 2023
4.	Presiden MBOT sebagai Penceramah EDUtech Asia Policy Summit di Sands Expo & Convention Centre, Singapura	09 November 2023
5.	Kunjungan Hormat Jabatan Kerja Raya Sarawak kepada Presiden MBOT	14 November 2023
6.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT kepada Malaysia Palm Oil Board (MPOB)	14 November 2023
7.	Persidangan Meja Bulat YB Menteri Pendidikan Tinggi Bersama dengan Ahli Majlis Penasihat Industri Politeknik 2023	29 November 2023




BIL.	DISEMBER	TARIKH
1.	Sesi Perkongsian Pembangunan Profesional melalui Pengiktirafan MBOT di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	05 Disember 2023
2.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT kepada Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)	07 Disember 2023
3.	Kunjungan Hormat Presiden MBOT kepada Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)	12 Disember 2023
4.	MBOT Woman Technologist Chapter Red Lips Mentorship	15 Disember 2023
5.	Kunjungan Hormat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	15 Disember 2023
6.	Kunjungan Hormat Presiden MBOT kepada Pengerusi Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)	19 Disember 2023
7.	<i>MBOT TUNE Summit 2023</i>	20 Disember 2023



CARTA ORGANISASI





PROGRAM- PROGRAM MBOT 2023





MBOT BORNEO SYMPOSIUM 2023

11 MEI 2023 – Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) buat julung-julung kalinya, mengadakan MBOT Borneo Symposium 2023 di Borneo Cultures Museum, Kuching, Sarawak. Dengan kerjasama Association of Professional Technicians and Technologists (APTT) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), program yang bertemakan *Preparing a Sustainable Workforce* ini bertujuan meningkatkan keterlihatan dan memberi apresiasi kepada teknologis dan juruteknik di Sabah dan Sarawak. Majlis ini telah dirasmikan oleh YAB Datuk Patinggi Tan Sri Dr. Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak.

Bersempena dengan simposium ini, MBOT telah melancarkan *MBOT Student Chapter, Talent Upskilling and Networking for Employment (TUNE)*. Ia merupakan satu inisiatif baharu untuk menyokong pelajar yang mengikuti program vokasional dan teknikal dengan pengetahuan, kemahiran, dan pendedahan yang mereka perlukan sebelum menceburi dunia pekerjaan.

MBOT turut memperkukuhkan lagi jalinan strategik dengan mengumumkan lapan Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani termasuk 6 perjanjian tiga pihak antara MBOT, APTT dan 6 rakan kongsi iaitu Sarawak Skills, I-Cats University College, Wawasan Open University (WOU), Swinburne University, Sarawak Digital Economy Corporation (S-Dec), Centre For Technology Excellence Sarawak (CENTEXS) dan rakan kongsi 2 MoU antara dua pihak iaitu Mega Aerospace Center Sdn Bhd dan Alliance MEP (Sarawak) Sdn Bhd.

Simposium ini turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Ts. Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir, FASc., Presiden MBOT, YBhg. Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi bin Abdul Ghani, Ketua Pegawai Eksekutif Sarawak Digital Economy Corporation (S-Dec), Centre For Technology Excellence Sarawak (CENTEXS), YBhg. Prof. Ts. Ir. Dr Al-Khalid Othman, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), wakil-wakil industri, persatuan, organisasi dan ahli-ahli MBOT.



CEO Roundtable Session



SESI CEO ROUNDTABLE

6 JUN 2023 – Buat julung-julung kalinya, Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) menganjurkan program MBOT CEO Roundtable mengumpulkan 42 pemimpin industri teknologi dan ahli akademik. Dengan tema ‘Tenaga Kerja Kalis Masa Depan: Strategi Pembangunan Bakat Berkemahiran Tinggi’, program ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan maklum balas yang berharga daripada kapten industri dan membincangkan isu dan cabaran yang berkaitan dengan pembangunan bakat.

Yang Berhormat Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi hadir merasmikan program ini bertempat di Hilton Kuala Lumpur.

Program ini menampilkan seorang penceramah, YBrs. Dr. Matthew Dornan, Ekonomis Kanan



Worldbank Malaysia yang berkongsi hasil kajian yang telah dijalankan mengenai tenaga kerja berkemahiran ke arah negara berpendapatan tinggi.

Hasil daripada program ini, pandangan daripada semua pihak berkepentingan dan pemegang taruh telah diolah menjadi kertas putih bertajuk *Future-proofing Workforce: High-skilled Talent Development Strategies*.



MBOT ENTICE 2023

15 OGOS 2023 – Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) mencipta satu lagi sejarah dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan negara-negara ASEAN iaitu Myanmar, Indonesia, Singapura, Brunei, Kemboja dan Timor Leste. Majlis ini melambangkan komitmen yang tinggi dalam memacu kemajuan dan kelestarian bakat teknologi di rantau ini.

Simbolik kerjasama bersejarah itu berlangsung semasa MBOT Experts Network in Technology, Innovation and Cooperative Event (ENTICE 23) yang disaksikan oleh Yang Berhormat Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

Dengan tema *Sustaining Environmental, Social, Governance with Technology*, MBOT ENTICE 23 merupakan edisi ketiga townhall MBOT yang dianjurkan pada setiap tahun. Program ini menampilkan pelbagai aktiviti, termasuk ucap-tama dan sesi forum, pemeteraian MoU bersama Global Technological Alliances, Majlis Penyampaian Anugerah dan booth pameran.

Sempena ENTICE 2023, MBOT telah menyampaikan anugerah kepada penerima



ENTICE

3i - Innovate, Inspire, Inculcate



Anugerah Teknologis Negara, YBrs. Eur. Ing. Ts. Mohamad Sukor bin Zainal Abiddin, penerima Anugerah Juruteknik Negara, YBrs. Tc. Narzrezal bin Abdul Razak. YBhg. Tan Sri Dato' Academician (Dr.) Ts. Ir. Ahmad Zaidee bin Laidin, mantan Presiden MBOT telah diberi penghormatan dengan anugerah *Distinguished Honorable Award*.


Majlis yang berlangsung di Hotel Hilton, Kuala Lumpur ini diserikan dengan kehadiran lebih 500 ahli MBOT, wakil daripada pelbagai industri, institusi, agensi kerajaan dan organisasi serta 1000 peserta maya.



TTAC TOWNHALL 2023

17 OKTOBER 2023 - Sebanyak 19 Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dan Institut Latihan Kemahiran (ILK) buat julung-julung kalinya menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) yang membolehkan para graduan untuk berdaftar sebagai ahli badan profesional itu.

Perjanjian ini merupakan satu penanda aras penting bagi pendidikan tinggi negara kerana graduan-graduan yang lahir daripada program-program yang menerima akreditasi daripada MBOT akan layak mendaftar secara automatik



dengan badan profesional ini. Ini kerana akreditasi program akademik yang dijalankan oleh MBOT memenuhi kompetensi yang diperlukan oleh seorang teknologis mahupun juruteknik profesional. Selain itu, akreditasi MBOT sentiasa selari dengan perkembangan teknologi terkini serta keperluan industri dalam aspek kompetensi dan kebolehpasaran.

Pengiktirafan tersebut direalisasikan melalui MoU yang melibatkan jaringan kerjasama akademik antara MBOT dan 19 Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan Institut Latihan Kemahiran (ILK).





Majlis pertukaran MoU ini telah diadakan bersempena MBOT Technology and Technical Education Townhall 2023 pada 17 Oktober 2023 di Putrajaya. Sesi ini menghimpunkan 150 hadirin dalam kalangan pengurusan tertinggi institusi termasuk Naib-naib Canselor, Timbalan Naib Canselor dan wakil-wakil institusi.

YBhg. Datuk Ts. Wan Hasmar Azim bin Wan Hassan, Ketua Pegawai Eksekutif Weststar Aviation Services Sdn. Bhd. turut hadir menyampaikan perkongsian yang bertajuk '*Community of Practice: Dimensi Baharu Ekosistem Industri.*'



KREDIT FOTO: PUSAT KOMUNIKASI KORPORAT, UMPSA MALAYSIA





MBOT TUNE SUMMIT 2023: IGNITING MINDS, INSPIRING INNOVATION

20 DISEMBER 2023 – Buat julung-julung kalinya, Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) telah menganjurkan MBOT TUNE Summit 2023 dengan kerjasama Universiti Tenaga Nasional (UNITEN). Program ini merupakan program kemuncak kepada siri-siri Campus Tech Talk TUNE yang dianjurkan



untuk pelajar IPT di beberapa universiti awam dan swasta di seluruh negara.

Program ini bertujuan menggalakkan perkongsian pengetahuan mengenai teknologi dan kerjaya serta memberi peluang kepada peserta untuk berinteraksi dengan ahli profesional melalui pendedahan kepada alam pekerjaan di samping sokongan dan komitmen MBOT terhadap pembangunan teknologi dan kerjaya profesional di Malaysia.

Program ini dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Zamri Yusoff, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), diikuti ucapan perasmian yang disampaikan oleh YBrs. Dr. Md Fauzi Md Ismail, Pendaftar MBOT.



PANEL



YBrs. Ts. Dr. Lim Zhen Wen,
Ketua Staf,
Payments Network
Malaysia



YBrs. Tc. Mas Muhammad Haziq bin Saifuddin,
Juruteknik
Baik Pulih Enjin,
GE Aerospace
Malaysia dan juga
Anggota Lembaga
MBOT



YBrs. Ts. Cempaka Lim,
Jurutera Jualan
Teknikal,
SLB



YBrs. Ar. Idr Ts. Ahmad Ridha Abd Razak,
Pengarah,
Seetizens Lab Sdn Bhd



Program turut diserikan dengan sesi perkongsian ilmu dari beberapa figura teknologi dan teknikal dengan para hadirin yang terdiri daripada lebih 200 orang pelajar IPT awam dan swasta serta kolej komuniti dan kolej vokasional.

Para peserta juga berpeluang berinteraksi secara langsung mengenai laluan kerjaya yang berpotensi dan peluang latihan untuk menghadapi cabaran dunia profesional dengan wakil pemain industri seperti Heitech Padu, Power IT, Fortinet, INTEL, Trainocate, Media Lab, Oppstar, Acasia Communication, Plytec dan PERKESO.





MBOT WTC RedLIPS

WTC RED LIPS MENTORSHIP PROGRAM

15 DISEMBER 2023 - Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) meneruskan komitmennya untuk memperkasa peranan dan keterlibatan wanita dalam bidang teknologi dengan menganjurkan Program WTC RedLIPS Mentorship bertempat di Agensi Angkasa Malaysia (MYSA). Pelaksanaan program ini adalah sejajar dengan inisiatif Woman Technologist Chapter (WTC) MBOT.



Program bimbingan ini merupakan salah satu komponen utama inisiatif WTC yang menghimpunkan lapan tokoh wanita terkemuka dan ahli-ahli wanita MBOT. Matlamat utamanya adalah untuk menyediakan platform sokongan untuk tujuan jaringan rangkaian, mentorship, dan perkongsian pengetahuan.

Para mentor untuk program ini termasuk YBrs. Ts. Sharifah Zaida Nurlisha Syed Ibrahim, Ketua Pegawai Eksekutif MMC Oil & Gas Engineering Sdn Bhd (MMCOG), Cik Grace Chan, Ketua Sumber Manusia, Hengyuan Refining Company Berhad (dahulunya dikenali sebagai Shell Refining Company Berhad), YBhg. Dato' Roslina Zainal, Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Tenaga Nasional Berhad, YBhg. Prof. Ts. Dr. Massila Kamalrudin, Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan YBrs. Ts. Annaliz Abu Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif, PETRONAS Global Technical Solutions Sdn Bhd. Selain itu, YBrs. Ts. Dr. Mahaletchumy Arujanan dan YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Ruslinda binti A. Rahim Bakar, Anggota Lembaga MBOT turut memainkan peranan sebagai mentor.

Program ini telah dihadiri seratus peserta dari pelbagai bidang teknologi di sektor kerajaan dan swasta.

WOMAN TECHNOLOGIST CHAPTER (WTC)

NO.	NAMA PROGRAM	TARIKH
1.	Women's Day Celebration in Collaboration with Sinar Karangkrif "RELATABLE when the Queens Talk"	7 Mac 2023
2.	Women in HEELS (Helping Empower and Encourage Learning and Support for Women Professionals) <ul style="list-style-type: none"> WTC: Women In Heels Di PLYTEC Holding Berhad WTC: Women In Heels Di KLIA1 	22 Mac 2023 11 April 2023
3.	Special Webinar AISP x MBOT x WISAP	7 September 2023
4.	WTC Special Webinar <ul style="list-style-type: none"> Woman Technologist Chapter: Special Webinar 	27 Oktober 2023
5.	Red LIPS Mentorship Program	15 Disember 2023

GLOBAL TECHNOLOGICAL ALLIANCE (GTA)

NO.	NAMA PROGRAM	TARIKH
1.	Global Technological Alliance (GTA) Establishment @ ENTICE 2023	15 Ogos 2023
2.	Global Technological Alliance (GTA) Protem Committee	16 Ogos 2023
3.	Libat urus bersama Chartered of Building Engineer (CABE)	September 2023
4.	<i>GTA Special Webinar-Overview on TVET System in Malaysia and Singapore</i>	2 November 2023

TUNE STUDENT CHAPTER

NO.	NAMA PROGRAM	TARIKH
1.	Campus Tech Talk Tune@Multimedia University (MMU)	14 April 2023
2.	TUNE Webinar 2023	18 Mei 2023
3.	Program TUNE Chapter Komuniti Kuching, Sarawak (Webinar)	25 Mei 2023
4.	Campus Tech Talk Tune@Universiti Malaysia Pahang (UMP)	31 Mei 2023
5.	Campus Tech Talk Tune@Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) Kampus Sg. Long, Kajang	11 Julai 2023
6.	TUNE Webinar 2023	18 September 2023
7.	Campus Tech Talk Tune@Kolej Komuniti Kuching, Sarawak	2 Oktober 2023
8.	Campus Tech Talk Tune@Universiti Tun Hussein Onn (UTHM)	17 Oktober 2023
9.	Campus Tech Talk Tune@Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	25 Oktober 2023
10.	Forum Techbytes Karnival Minggu Sains Negara	10 November 2023
11.	Campus Tech Talk Tune@Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	5 Disember 2023
12.	TUNE Summit 2023	20 Disember 2023


SENARAI WEBINAR SERIES TAHUN 2023

BIL.	TOPIK	PENCERAMAH	TARIKH
1.	Design for Manufacturability Analysis in Electronics Assembly Industry	Ts. Dr. Lai Mee Chian	12 Januari 2023
2.	Biological Solutions: Catalyst for the Sustainability Transition of the Palm Oil Industry	Eur Ing Ts. Hong Wai Onn	31 Januari 2023
3.	Towards a Less-Stressed Out You!	Dr. Marlin Marissa Malek binti Abdul Malek	9 Februari 2023
4.	Graphene-Enhanced Concrete for Future Sustainable Cities	Ts. Dr. Syed Ahmad Farhan bin Syed Ahmad Iskandar	2 Mac 2023
5.	Using AI in Criminal Justice System	Ts. Dr. Bavani Subramaniam	9 Mac 2023
6.	Optimizing Energy Efficiency with VRV Heat Recovery Hot Water System for Hotel Application	Ts. Teoh Sun Jie	16 Mac 2023
7.	AppSec Testing in the Real World: Stories of Success	Ts. Desmond Ng	30 Mac 2023
8.	Bringing Technology To The World, From Lab to Market	Dr. Wan Raihana binti Wan Aasim	6 April 2023
9.	Autonomous Driving: Issues and Future Challenges	Ts. Hazril bin Md Isa	13 April 2023
10.	Cybersecurity Kickstart	Ts. Lawrence Na	18 Mei 2023
11.	New Era of Black Box for Vehicles	Ts. Ahmad Saife bin Salleh	16 Mei 2023
12.	Smart City Digital Technologies and Talent Development	Tuan Fouzun Naseer Mohd	24 Mei 2023
13.	MBOT Leisure Talk: Professionalism Unleashed: Navigating Career through Professional Recognition	<ul style="list-style-type: none"> Ts. Lau Yew Nen Ts. Ir. Nur Zahirah Khalid 	29 Mei 2023
14.	Creative Industry Transformation in The Next Generation Automotive Industry	Prof. Madya Ts. Dr. Azhari bin Md Hashim	15 Jun 2023
15.	Exploring Random Lasing in Semiconductors by Manipulating Nanostructures	Ts. Dr. Wan Maryam Wan Ahmad Kamil	6 Julai 2023
16.	Numerical Techniques in Coastal Erosion Study in Malaysia	Assoc. Prof. Ts. Dr. Muhammad Zahir Ramli	13 Julai 2023
17.	Applicability of Sustainable Biocomposting Technology for Aquaponic System	Ts. ChM. Dr. Syukriyah binti Ishak	20 Julai 2023


SENARAI WEBINAR SERIES TAHUN 2023

BIL.	TOPIK	PENCERAMAH	TARIKH
18.	An Overview of Dabai (Canarium odontophyllum Miq.) Fruit Industry in Malaysia : Present and Future Food Innovation	Ts. Farah Syahirah Abdul Shukri	10 Ogos 2023
19.	Seashells Waste: From Landfill to Medical Products	Prof. Madya Ts. Dr. Nashrul Fazli bin Mohd Nasir	23 Ogos 2023
20.	Leveraging Artificial Intelligence and Machine Learning in Broadcast and Media	Ts. Mahentaran Nagarajan	14 September 2023
21.	Resume Workshop: Tips & Tricks in Writing an Outstanding Applicant Tracking System (ATS) Resume	Tuan Muhammad Azzhar bin Mohd Arsad	18 September 2023
22.	Deep Dive into Malaysia's Award Winning Technologist and Technician	Eur Ing. Ts. Mohamad Sukor bin Zainal Abiddin Tc. Nazrezal bin Abdul Razak	19 September 2023
23.	Road Damages - Continuing Issues Need to be Solved	Prof. Ts. Dr. Mohd Rosli bin Hainin	21 September 2023
24.	Jar Test Optimization and Application	Ts. Kamarul Aizar bin Dziyauddin	27 September 2023
25.	Policy and Quality Management Systems Operation for Aviation, Space and Defense Organizations	Ts. Jamari bin A Ghafar	12 Oktober 2023
26.	Data Innovation in PETRONAS via Data Contextualisation	Ts. Mohd Safwan bin Muhamad Diah	19 Oktober 2023
27.	Empowering Women in Tech: Nurturing Tomorrow's Tech Visionaries	Fatimah az-Zahra' binti Sha'ari	27 Oktober 2023
28.	Application of Rinntech Resistograph on Wood Density Assessment	Ts. Jacqueline binti Joseph	31 Oktober 2023
29.	TVET Sysytem in Malaysia TVET Education in Singapore- Issues and Challenges	<ul style="list-style-type: none"> • Prof. Madya Ts. Dr. Lai Chee Sern • Dr. Sam Man Keong 	2 November 2023
30.	Radiotracer Technologies for Soil Erosion, Sedimentation and Hydrology	Dr. Zul Hilmi Saidin	9 November 2023
31.	Ammonia as Marine Fuel - Seafarer Safety	Ts. Dr. Saravanan Venkadasalam	14 Disember 2023
32.	Scheduled Waste Recovery Technology in Malaysia	Ts. Azlan Ahmad	21 Disember 2023
33.	Geospatial Technologies in Hydrographic Surveying Practice	Ts. Sr Dr. Kelvin Tang Kang Wee	28 Disember 2023

PEMBANGUNAN PROFESIONAL




JUMLAH PENDAFTARAN MENGIKUT KATEGORI




	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023
Teknologis Berijazah GT	1,232	6,261	10,655	17,732	29,285	39,006	46,572
Teknologis Profesional Ts.	299	3,055	3,983	7,394	12,092	17,820	21,647
Juruteknik Berkelayakan QT	385	1,119	2,039	3,107	5,869	7,903	9,613
Juruteknik Bertauliah Tc.	21	129	269	704	1,266	2,127	2,826

PENDAFTARAN KESELURUHAN SEHINGGA TAHUN 2023




PENDAFTARAN PADA TAHUN 2023



STATISTIK BERKAITAN PENILAIAN PROFESIONAL

603 

Jumlah sesi penilaian profesional yang diadakan pada tahun 2023

4211 

Jumlah keseluruhan calon penilaian bagi Teknologis Profesional (Ts.)


750 

Jumlah keseluruhan calon penilaian bagi Juruteknik Bertauliah (Tc.)


4961 

Jumlah keseluruhan calon penilaian bagi Ts. dan Tc.




3806 


Jumlah calon Teknologis Profesional (Ts.) yang berjaya

699 

Jumlah calon Juruteknik Bertauliah (Tc.) yang berjaya

164 

Jumlah calon Teknologis Profesional (Ts.) yang gagal


18 

Jumlah calon Juruteknik Bertauliah (Tc.) yang gagal




241 

Jumlah calon Teknologis Profesional (Ts.) deferral

33 

Jumlah calon Juruteknik Bertauliah (Tc.) deferral

68 

Jumlah Panel Penilai baharu

KAEDAH BAHARU PENILAIAN PROFESIONAL 3.0

THE NEW METHODOLOGY FOR PROFESSIONAL ASSESSMENT 3.0 STARTING IN SEPTEMBER 2023



MBOT Professional Curriculum Vitae (for candidate's action)

Professional Assessment Candidate should complete the MBOT Professional Curriculum Vitae before the interview session, consists of;

- Personal Particulars
- Academic Qualification
- Competency-based Qualification in Related Technology and Technical
- Professional Affiliation
- Work Experience Related in Technology Field
- Technology-related Professional Experience
- Code of Professional Conduct
- Self-assessment
- Reference
- Technology and Technical Experience Report (TER)



Professional Competency Assessment (PCA) (for candidate's information)

New scoring weights for each element in the Professional Competency Assessment (PCA)

- A- Knowledge and Understanding = 20%
- B- Application To Practice = 40%
- C- Leadership and Management = 10%
- D- Interpersonal Skills = 10%
- E- Professional Conduct = 20%

*Graduate Technologists and Qualified Technicians should submit their application for professional assessment by selecting the "Apply for Professional Certification" button in their profiles.


Pada tahun 2023, kaedah penilaian profesional telah ditambahbaik bagi menetapkan piawaian dan kriteria yang jelas untuk setiap calon.

Bermula pada suku ketiga tahun 2023, semua calon penilaian perlu melengkapkan MBOT Professional Curriculum Vitae mengikut format baharu yang ditetapkan. Dokumen tersebut meliputi maklumat-maklumat penting untuk tujuan penilaian kompetensi oleh panel. Contohnya,

pengalaman kerja dalam bidang teknologi, kelayakan kompetensi, kod amalan profesional dan laporan pengalaman teknologi dan teknikal yang dimiliki calon.

Selain MBOT Professional Curriculum Vitae, rubrik pemarkahan baharu turut diperkenalkan dengan peningkatan peratusan markah pada aspek aplikasi teknologi dan teknikal dalam skop perkhidmatan.

PEMBANGUNAN PROFESIONAL BERTERUSAN – CPD



CIRCULAR/ PENGUMUMAN BERKAITAN

Edaran No.1/2023

PEMAKLUMAN PEMBAHARUAN PENDAFTARAN PROFESIONAL BERMULA TAHUN 2023

Edaran No.2/2023

PENGECUALIAN PENGUMPULAN JAM CPD BAGI PEMBAHARUAN PENDAFTARAN PROFESIONAL AHLI-AHLI YANG BERUMUR 60 TAHUN DAN KE ATAS

Ref. No.: MBOT.600-3/8/1(6)
Tarikh: 3 Januari 2023

MBOT
LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA

EDARAN NO. 1/2023

PEMAKLUMAN PEMBAHARUAN PENDAFTARAN PROFESIONAL BERMULA TAHUN 2023

Selaras dengan Seksyen 25(1) Akta 768, Lembaga menitikberatkan pembelajaran sepanjang hayat melalui pelaksanaan polisi Pembangunan Profesional Berterusan-Continuing Professional Development (CPD) bagi pembaharuan pendaftaran profesional.

Bermula pada tahun 2023, Lembaga akan meneruskan polisi pengumpulan jam CPD secara kumulatif dengan ketetapan baharu seperti berikut:

BIL.	KATEGORI PENDAFTARAN	JAM CPD KUMULATIF	TEMPOH PENGUMPULAN
1	Teknologis Profesional (Ts.)	90	3 Tahun
2	Juruteknik Bertauliah (Tc.)	60	(Bermula tahun 2023)

Bagi tujuan pembaharuan profesional tahunan, orang yang berdaftar juga perlulah menyertai sekurang-kurangnya tiga (3) aktiviti CPD setiap tahun dan seterusnya melengkapkan jam CPD kumulatif pada tahun ketiga. Penyertaan aktiviti boleh dipilih daripada mana-mana 14 kategori aktiviti CPD yang telah ditetapkan oleh Lembaga seperti di Lampiran 1.

Setiap aktiviti CPD hendaklah direkodkan melalui Sistem CPD MBOT (<https://cpd.mbot.org.my>). Seterusnya, permohonan pembaharuan perlu dibuat melalui sistem tersebut dan pautan pembayaran pembaharuan akan dihantar sekiranya keperluan aktiviti CPD mencukupi.

Fmigu
Dr. Md Fauzi Bin Md Ismail
Pendaftar
Lembaga Teknologis Malaysia

No Rujukan: MBOT.600-3/8/1 (6)
Tarikh: 21 November 2023

MBOT
LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA

EDARAN NO. 2/2023

PENGECUALIAN PENGUMPULAN JAM CPD BAGI PEMBAHARUAN PENDAFTARAN PROFESIONAL AHLI-AHLI YANG BERUMUR 60 TAHUN DAN KE ATAS

Sebagai sebuah badan profesional yang menitikberatkan pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan ahli, Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) telah menetapkan syarat pengumpulan jam Continuing Professional Development (CPD) secara kumulatif sebanyak 90 jam bagi Teknologis Profesional (Ts.) dan 60 jam bagi Juruteknik Bertauliah (Tc.) untuk tempoh tiga (3) tahun.

Dengan mengambil kira-kira pengalaman dan kepakaran yang dimiliki oleh ahli-ahli profesional yang berumur 60 tahun dan ke atas, Lembaga telah memutuskan untuk memberi pengecualian kepada kumpulan ini daripada memenuhi keperluan jam CPD MBOT.

Walaupun bagaimanapun, Lembaga menggalakkan ahli-ahli profesional ini untuk terus aktif dalam aktiviti-aktiviti CPD khususnya dalam memberi sumbangan kepakaran kepada MBOT serta para Teknologis dan Juruteknik yang lain.

Pembaharuan pendaftaran profesional MBOT masih perlu dilakukan pada setiap tahun menerusi Sistem CPD MBOT di <https://cpd.mbot.org.my>.

Fmigu
Dr. Md Fauzi Bin Md Ismail
Pendaftar
Lembaga Teknologis Malaysia

CARTA ALIR PERMOHONAN TEKNOLOGIS PROFESIONAL (Ts.)



CARTA ALIR PERMOHONAN JURUTEKNIK BERTAULIAH (Tc.)



A1

Pembelajaran Formal dan Tidak Formal



A2


Kongres / Persidangan / Seminar / Simposium (Tempatan / Antarabangsa)



A3

Fellowships / Penempatan / Lawatan Pembelajaran (termasuk amali dan kursus kemahiran)

Jenis-jenis **Aktiviti CPD MBOT**



A4

Jawatankuasa atau Ahli Projek

A5

Mesyuarat Berkaitan Teknologi dan Teknikal




A6

Pembentangan Kertas Teknikal Dalam Mesyuarat / Majlis Rasmi (Penyampai / Penceramah)

A7

Penerbitan Artikel Dalam Jurnal / Bab Dalam Buku / Laporan Teknikal



A8

Dilantik Sebagai Penilai MBOT

- Panel Penilaian Profesional
- Panel Penilai Akreditasi
- Lawatan akreditasi

B1


Sumbangan Untuk Pembangunan Aspek Teknologi dan Teknikal

B2

Platform Atas Talian Berkaitan dengan Teknikal dan Teknologi


B3

Bimbingan/Kejurulatihan/ Penjurian/ Perundingan Berkaitan Profesion



D1

Hands-on / Projek Khas & Aktiviti R&D Yang Berkaitan Dengan Teknikal dan Teknologi



D2

Program CSR dan Kerja Sukarela Berkaitan



D3

Kemahiran Insaniah yang Berkaitan dengan Kepimpinan dan Pengurusan, Kemahiran Interpersonal dan Kelakuan Profesional


AKREDITASI



JUMLAH PROGRAM YANG DILULUSKAN MENGIKUT TAHUN

Tahun	Akreditasi Penuh	Akreditasi Sementara	Pelanjutan Akreditasi Penuh	Penerusan Akreditasi Sementara	Kitaran Baharu
2023	79	9	155	6	
2022	133	24	26	63	
2021	113	13		7	
2020	16	15			
2019	9	4			
2018	3	4			
2017		5			

JUMLAH PROGRAM YANG DILULUSKAN SEHINGGA TAHUN 2023




JUMLAH PANEL PENILAI MENGIKUT BIDANG TEKNOLOGI DAN TEKNIKAL

AC	Teknologi Sains Atmosfera dan Alam Sekitar	19	HM	Teknologi Kesihatan dan Perubatan	1
AF	Teknologi Berasaskan Pertanian	26	IT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi	250
AM	Teknologi Senireka dan Multimedia Kreatif	41	ME	Teknologi Pembuatan dan Industri	219
AT	Teknologi Automotif	74	MI	Teknologi Maritim	11
AV	Teknologi Aeroangkasa dan Penerbangan	15	MR	Teknologi Marin	11
BC	Teknologi Bangunan dan Binaan	196	MT	Teknologi Sains Bahan	52
BT	Bioteknologi	38	NR	Teknologi Nuklear dan Radiologi	3
CM	Teknologi Kimia	29	NT	Nanoteknologi	5
CS	Teknologi Keselamatan Siber	13	OG	Teknologi Minyak dan Gas	28
EE	Teknologi Elektrik dan Elektronik	253	RB	Teknologi Berasaskan Sumber, Ukur dan Geomatik	8
FT	Teknologi Makanan	25	TB	Teknologi Telekomunikasi dan Penyiaran	11
GT	Teknologi Hijau	23	TL	Teknologi Pengangkutan dan Logistik	15

JUMLAH PROGRAM YANG DILULUSKAN MENGIKUT KATEGORI DAN TAHAP


Tahap 3 / Sijil



Tahap 4 / Diploma



Tahap 5 /Diploma Lanjutan



Tahap 6 / Ijazah Sarjana Muda



SENARAI AHLI TTAC

NO.	NAMA	JAWATAN / JABATAN
1.	YBhg. Lt. Kol. Prof. Dato' Ts. Dr. Zaliman bin Sauli	Pengerusi TTAC MBOT
2.	YBhg. Prof. Ts. Dr. Mohd Rusllim bin Mohamed	Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)
3.	YBhg. Prof. Ts. Dr. Wan Mansor bin Wan Muhamad	Profesor Universiti Kuala Lumpur - Malaysia France Institute (UniKL MFI)
4.	YBhg. Prof. Dato' Dr. Norzaini binti Azman	Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (Akademik dan Pembangunan) Jabatan Pendidikan Tinggi Kementerian Pengajian Tinggi
5.	YBhg. Dato Ts. Ir. Dr. Badhrulhisham bin Abdul Aziz	Felo Perunding Utama Pusat Kelestarian Ekosistem & Sumber Alam Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)
6.	YBhg. Datin Ts. Dr. Siti Hanom binti Marjuni	Mantan Pegawai Teknologi Maklumat Gred Khas C (SME) (KUP)
7.	YBhg. Dato' (Dr) Abd Radzak bin Malek	<i>Immediate International Past President</i> The Chartered Institute of Logistics and Transport Malaysia (CILP)
8.	YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Muhammad Fahmi bin Miskon	Profesor Madya Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
9.	YBrs. Ts. Choo Kok Beng	Pengarah Pengurusan Vertitech Group
10.	YBrs. Ts. Tahrizi bin Tahreb	Ketua Jabatan Keselamatan Siber Bank Negara Malaysia (BNM)
11.	YBrs. Encik Abdul Saman bin Taip	Pengarah Bahagian Akreditasi (Sains dan Perubatan) Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
12.	YBrs. Encik Mohd Ishak bin Mohd Hussaini	Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Akreditasi (Sains dan Perubatan) Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

BENGGKEL PANEL PENILAI TTAC

- Bengkel Latihan Panel Penilai TTAC MBOT adalah bertujuan memberikan pendedahan kepada peserta mengenai tatacara penilaian akreditasi berlandaskan *Technology dan Technical Accreditation Standard Second Edition (Academic Sector)* sebelum dilantik secara rasmi sebagai Panel Penilai TTAC MBOT.
- Pendedahan ini juga meliputi etika dan peranan Panel Penilai dalam menjalankan tugas-tugas penilaian sebelum, semasa dan selepas termasuk penyediaan laporan penilaian akreditasi.
- Bengkel Latihan Panel Penilai TTAC MBOT telah diadakan di tiga (3) zon iaitu, zon Selatan, zon Timur dan zon Tengah. Perincian maklumat bagi bengkel tersebut adalah seperti di bawah:

ZON	TEMPAT	PESERTA	TARIKH	PERAKUAN
Timur	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	92 orang	18 & 19 Oktober 2023	92/92
Selatan	Open University Malaysia (OUM), Melaka	92 orang	21 & 22 Oktober 2023	92/92
Tengah	Management and Science University (MSU)	79 orang	25 & 26 November 2023	78/79

Zon Selatan



Zon Timur



Zon Tengah



LIBAT URUS BERSAMA KEMENTERIAN, PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI DAN AGENSI

BIL.	SENARAI AKTIVITI	TARIKH
1.	Perbincangan Kolaborasi MBOT dan UCSI University	5 Januari 2023
2.	Mesyuarat Penyediaan Dokumen Akreditasi Seoul Accord bersama Australian Computer Society (ACS)	12 Januari 2023
3.	Mesyuarat Perbincangan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan MBOT	18 Januari 2023
4.	Sesi Perbincangan Mengenai Ulasan Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi (MJA), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) terhadap program yang dinilai MBOT	20 Januari 2023
5.	Perjumpaan Akademi Laut Malaysia (ALAM) bersama MBOT bagi membincangkan status program <i>Advanced Diploma in Nautical Studies</i>	26 Januari 2023
6.	Perbincangan Berkaitan Lawatan Akreditasi Penuh bagi Delegasi Panel Seoul Accord di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam	3 Februari 2023
7.	Mesyuarat bersama Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) berkaitan mod penawaran <i>Open Distance Learning</i>	7 Februari 2023
8.	Kunjungan Hormat MBOT ke Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV) berkenaan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)	8 Februari 2023
9.	Sesi Perbincangan bersama Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) Berkenaan 5 Program Rayuan Sijil Kenderaan Ringan	10 Februari 2023
10.	Perbincangan Berkaitan Dokumen Tambahan Elemen Seoul Accord di UiTM Shah Alam	10 Februari 2023
11.	Kunjungan Hormat MBOT ke City University	16 Februari 2023
12.	Perbincangan Berkaitan Lawatan Akreditasi Penuh bagi Delegasi Panel Seoul Accord di Multimedia University (MMU)	16 Februari 2023
13.	Taklimat Akreditasi MBOT di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	21 Februari 2023
14.	Perbincangan Berkaitan Dokumen Tambahan Elemen Seoul Accord bersama pensyarah program Fakulti Sains Komputer dan Matematik di UiTM Shah Alam	23 Februari 2023
15.	Perbincangan Berkaitan Dokumen Tambahan Elemen Seoul Accord bersama MMU	24 Februari 2023

BIL.	SENARAI AKTIVITI	TARIKH
16.	Sesi Perbincangan Mengenai Isu-Isu Jaminan Kualiti antara MQA dengan MBOT	7 Mac 2023
17.	Sesi Perbincangan bagi Tujuan Semakan Awal Pemetaan NOSS dengan 24 bidang MBOT bersama JPK	8 Mac 2023
18.	Lawatan dari Fakulti Komputeran Universiti Teknologi Malaysia ke MBOT	9 Mac 2023
19.	Bengkel Berkaitan <i>Complex Problem</i> dan <i>Complex Activity</i> dalam Penilaian Pelajar di UiTM Shah Alam	9 Mac 2023
20.	Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Semakan dan Pindaan Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 (Akta 768)	15 Mac 2023
21.	Bengkel Berkaitan <i>Complex Problem</i> dan <i>Complex Activity</i> dalam Penilaian Pelajar di MMU	16 Mac 2023
22.	Kunjungan Hormat Infrastructure University Kuala Lumpur (IUUKL) ke MBOT	17 Mac 2023
23.	Bengkel Persediaan Lawatan Seoul Accord kepada Panel Penilai TTAC MBOT	21 Mac 2023
24.	Perbincangan Berkenaan Laporan Panel Akreditasi Sementara bersama Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)	24 Mac 2023
25.	Kunjungan Hormat MBOT kepada Naib Canselor University of Cyberjaya	28 Mac 2023
26.	Perbincangan bersama Institut Kemahiran MARA Sik mengenai program Diploma Teknologi Komputer (Sekuriti)	31 Mac 2023
27.	Lawatan Penilaian Akreditasi program Teknologi Maklumat di UiTM Shah Alam bagi penilaian Seoul Accord	3-6 April 2023
28.	Mesyuarat Semakan Manual TTAC MBOT Edisi Kedua bersama Jawatankuasa Kecil Daftar OISP	7 April 2023
29.	Perbincangan Berkenaan Akreditasi bersama ADTEC Shah Alam	10 April 2023
30.	Sesi Penerangan Cara Pengisian SRR01 di First City University College	17 April 2023
31.	Bengkel atas Talian Bersama Pihak Berkepentingan: Penilaian Semula Rubrik Penilaian Bagi COPPA, COPPA: ODL & COPTPA	15 Mei 2023
32.	Perbincangan Kelayakan Masuk Pelajar bagi Bidang Teknologi Senireka dan Multimedia Kreatif (AM) bersama Panel Pakar dalam Bidang AM	1 Jun 2023
33.	Mesyuarat Penilaian Program Akademik UiTM dan Keahlian Profesional MBOT	6 Jun 2023
34.	Kunjungan Hormat MBOT kepada Naib Presiden MMU	7 Jun 2023

BIL.	SENARAI AKTIVITI	TARIKH
35.	Lawatan Universiti Kuala Lumpur – Malaysian Institute of Information Technology (UniKL MIIT) ke MBOT bagi Perbincangan Berkaitan Akreditasi	21 Jun 2023
36.	Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi	26 Jun 2023
37.	Sesi Perbincangan Kumpulan Berfokus bersama Pihak Berkepentingan bagi Pembangunan Addendum Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) Edisi Kedua	3 Julai 2023
38.	Kunjungan Hormat MBOT ke Universiti Sultan Azlan Shah dan Quest International University	18 Julai 2023
39.	Sesi Perkongsian bersama Staf Akademik di Management and Science University (MSU)	20 Julai 2023
40.	Kunjungan Hormat MBOT ke Limkokwing University	3 Ogos 2023
41.	Perbincangan Libat Urus MPQ-MQA-MBOT	14 Ogos 2023
42.	Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi	14 Ogos 2023
43.	Mesyuarat Akreditasi bagi program Bachelor Degree in Industrial Physics di Universiti Malaysia Sabah (UMS) Bengkel TTAC Standard 2nd Edition	16 Ogos 2023
44.	Bengkel TTAC Standard 2nd Edition	18 – 20 Ogos 2023
45.	Taklimat Akreditasi bersama BPLTV	22 Ogos 2023
46.	Kunjungan Hormat MBOT ke International Medical University	25 Ogos 2023
47.	Taklimat Akreditasi bersama Swinburne University of Technology Kampus Sarawak	28 Ogos 2023
48.	Kunjungan Hormat MBOT ke i-CATS Sarawak	29 Ogos 2023
49.	Sesi Perbincangan Proses Penilaian Semakan Semula Kurikulum program Bersama MQA	1 September 2023
50.	Taklimat bersama Universiti Teknologi PETRONAS berkaitan tiga (3) program akreditasi di bawah TTAC MBOT	4 September 2023
51.	Sesi Perbincangan Bagi Cadangan Pembangunan Program Ijazah Separuh Masa dalam Bidang Teknologi di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah	14 September 2023
52.	Perbincangan Berkaitan Akreditasi bersama Swinburne University of Technology Kampus Sarawak	19 September 2023
53.	Program Webinar Taklimat Proses Penyediaan & Prosedur Dokumentasi Akreditasi Pengiktirafan Badan Profesional, Lembaga Teknologis Malaysia bersama UiTM Shah Alam	20 September 2023
54.	Mesyuarat JPK-MBOT (JPK Cyberjaya)	20 September 2023
55.	Mesyuarat Pemetaan NOSS-MBOT	20 September 2023

BIL.	SENARAI AKTIVITI	TARIKH
56.	Bengkel Pemurnian Standard TTAC MBOT Siri 2	22 - 24 September 2023
57.	Taklimat Penilaian What's New in TTAC Standard 2nd Edition dalam Penilaian Akreditasi TTAC MBOT	27 September 2023
58.	Taklimat Mengenai Senarai Semak Pematuhan dalam Standard Akreditasi Teknologi dan Teknikal	27 September 2023
59.	Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi	5 Oktober 2023
60.	Kunjungan Hormat MBOT kepada Pengarah BPLTV	6 Oktober 2023
61.	Mesyuarat Kajian Pembentukan Lembaga Alam Sekitar	11 Oktober 2023
62.	Sesi Libat Urus MQA bersama Badan Profesional bagi Menyampaikan Maklumat Terkini Tentang Proses dan Aktiviti Jaminan Kualiti	16 Oktober 2023
63.	<i>MBOT Technology and Technical Education Townhall</i>	17 Oktober 2023
64.	Kunjungan Hormat Presiden MBOT ke University College of Yayasan Pahang	27 Oktober 2023
65.	Kunjungan Hormat Presiden MBOT ke UMPSA	27 Oktober 2023
66.	Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT kepada Timbalan Pengarah (Kanan) BPLTV	6 November 2023
67.	Taklimat berkaitan akreditasi TTAC MBOT di UCSI University	8 November 2023
68.	Taklimat Akreditasi di Universiti Malaysia Sabah (UMS)	20 November 2023
69.	Libat Urus Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) bersama TTAC MBOT	28 November 2023
70.	Sesi Perkongsian Pembangunan Profesional melalui Pengiktirafan MBOT di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	5 Disember 2023
71.	Bengkel Pembangunan Garis Panduan Artikulasi TVET dengan Akademik di Dorsett Putrajaya	7 & 8 Disember 2023
72.	Kunjungan Hormat Presiden MBOT kepada Ketua Pengarah JPPKK	12 Disember 2023
73.	Perbincangan Berkaitan Pembangunan Garis Panduan Pelaksanaan Mod Industri bersama Prof. Dr-Ing. Nik Abdullah	22 Disember 2023

01 Penggunaan Self Review Report bagi Penilaian Semakan Kurikulum (SRR06) terkini



- Penambahbaikan *Self Review Report* berkuatkuasa bermula 25 Januari 2023. Sehubungan dengan itu, Pemberi Pendidikan Tinggi boleh mengemukakan permohonan dengan menggunakan *Self Review Report* (SRR06) terkini beserta dokumen sokongan.

02 Penggunaan Templat Laporan Penilaian



- Bagi menjamin kualiti program-program akademik yang diakreditasi oleh TTAC MBOT, Pemberi Pendidikan Tinggi adalah digalakkan untuk menggunakan templat laporan penilaian oleh Penasihat Luar dan Penasihat Industri seperti yang disediakan oleh TTAC MBOT.

03 Pemakluman Pemakaian TTAC Standard Second Edition (Academic Sector) Bagi Permohonan Penilaian Akreditasi



- Pemakaian TTAC Standard Second Edition (Academic Sector) telah bermula pada 23 Mac 2023, manakala penguatkuasaan sepenuhnya adalah bermula pada 1 Januari 2024.
- Standard program terbaharu ini dibangunkan melalui input secara kolektif daripada Technology Expert Panel (TEP) yang terdiri daripada wakil agensi kerajaan, industri, akademia dan pemegang taruh yang berkaitan.
- Ia bertujuan bagi memastikan program-program yang diakreditasi oleh TTAC MBOT mempunyai elemen future education, flexible education dan multi disciplinary seiring dengan keperluan tenaga kerja semasa dalam sektor awam dan swasta.

PEMAKLUMAN/ PENGUMUMAN BERKAITAN

05 Penggunaan Self Review Report dan Pemakaian Mekanisme Baharu Penentuan Tempoh Akreditasi




- TTAC MBOT telah membangunkan mekanisme baharu penentuan tempoh akreditasi dan mengemaskini *Self Review Report* bagi permohonan akreditasi. Sehubungan itu, penggunaan sepenuhnya *Self Review Report* yang terkini beserta borang 'Checklist of Compliance to Standard Item and Good Practices in Technology and Technical Accreditation Standard' adalah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2024. Selanjutnya, penilaian ini akan menggunakan mekanisme baharu penentuan tempoh akreditasi.

04 Pemakluman Kekeliruan Terhadap Pemakaian Standard Program Komputeran, MQA dalam Penilaian Akreditasi



- TTAC MBOT tidak mewajibkan pemakaian Standard Program Komputeran yang diterbitkan oleh MQA dalam penilaian akreditasi bawah TTAC MBOT. Oleh yang demikian, hanya pemakaian TTAC Manual 2019 atau TTAC Standard Second Edition (Academic Sector) sahaja diwajibkan buat masa ini. Namun begitu, TTAC MBOT tidak mempunyai halangan sekiranya Pemberi Pendidikan Tinggi menjadikan standard program ini sebagai rujukan dan panduan dalam menjamin kualiti program komputeran yang diakreditasi bawah TTAC MBOT, selagi ianya tidak melanggar ketetapan TTAC Manual 2019 atau TTAC Standard Second Edition (Academic Sector).

LIPUTAN MEDIA





Penggunaan teknologi tingkat pengeluaran getah

© NUR HAZIRAH SHUKUR
 ■ UTAMA (<https://suarasarawak.my/category/utama/>)
 📅 15 April 2023 ⌚ 2:44 pm



BERCAKAP... Fadillah bercakap kepada pemberita selepas perasmian Persidangan Nasional Persatuan Teknologi Malaysia (TAM) di Hotel Imperial Kuching, hari ini.

KUCHING: Penggunaan automasi dan mekanisasi penting untuk meningkatkan pengeluaran susu getah atau lateks di Malaysia, kata Datuk Seri Fadillah Yusof.

Fadillah: MBOT urged to focus on R&D to boost agricommodity production



KUCHING, April 15 — Deputy Prime Minister Datuk Seri Fadillah Yusof saw up close the sophistication of crop scouting drones at the opening of the "Technological Association Malaysia (TAM) National Conference 2023" today. **BERNAMAPIX**

KUCHING: The Malaysia Board of Technologists (MBOT) has been advised to focus on research and development (R&D) activities to increase the agricommodity sector's production.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Fadillah Yusof said this includes looking at the entire production process of a particular agricultural commodity in order to introduce a faster automated system.



MBOT bentuk pakatan bersama negara ASEAN pacu kelestarian bakat teknologi serantau

LAUNCHING GLOBAL TECHNOLOGICAL ALLIANCE (GTA)

16 AGO 2023 10:45 AM

16 OGOS 2023 - BERITA PAGI PENUH

SEKTOR TEKNOLOGI DAN INOVASI TARIK LEBIH BANYAK PELAJUR ASING KE NEGARA INI

16 OGOS 2023 - BERITA PAGI PENUH

Berita RTM 749K subscribers

Elak pelapis 'lari'

Elak pelapis 'lari' (Harian Metro)

12:10 PM

Elak pelapis 'lari' (Harian Metro)

Manfaat aplikasi media sosial dorong pelajar kuasai STEM

Rencana

Manfaat aplikasi media sosial dorong pelajar kuasai STEM

MBOT: Professional recognition for TVET adds value to graduates

NEW STRAITS TIMES

MBOT president Datuk Dr Siti Hamidah Tapper said professional recognition given to TVET graduates will open the door to more opportunities for employers.

Pengkiraan profesional untuk graduan TVET akan beri nilai tambah

Berita Terkini

Pengkiraan profesional untuk graduan TVET akan beri nilai tambah

National Technologist and engineer Sukor Zainal talks humble beginnings to influential success [NSTTV]

Berita Harian

National Technologist and engineer Sukor Zainal talks humble beginnings to influential success [NSTTV]

Standard TVET

myMetro


Standard TVET

PENYATA KEWANGAN



RINGKASAN KEWANGAN

■ Hasil Penerimaan (RM)
■ Perbelanjaan Sebenar (RM)
■ Batas Perbelanjaan (RM)



LAPORAN KEWANGAN

Penyata kewangan MBOT bagi tahun 2023 telah disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS), yang telah diluluskan untuk pemakaian sejak tahun 2017. Untuk tahun berakhir 31 Disember 2023, jumlah pendapatan yang diperoleh adalah RM9,193,257.

Pendapatan ini terdiri daripada fi pendaftaran dan keahlian sebanyak RM8,549,628, yang termasuk fi pendaftaran, fi pembaharuan keahlian, fi penilaian profesional, fi akreditasi, yuran bengkel latihan panel penilai Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC) daripada Pemberi Pengajian Tinggi (PPT) dan fi bagi Approved Training Provider (ATP). Selain itu, MBOT juga memperoleh RM567,012 daripada hasil keuntungan atas akaun semasa dan deposit tetap dan RM6,617 dari penjualan aset.


MBOT juga berjaya memperoleh tajaan sebanyak RM70,000 dari penganjuran dua program utama iaitu MBOT Borneo Symposium 2023 dan MBOT Experts Network in Technology, Innovation and Cooperative Event (ENTICE) 2023, untuk menampung sebahagian perbelanjaan program.

MBOT mencatatkan lebih pendapatan sebelum cukai sebanyak RM2,645,247, menurun 12.34% berbanding tahun 2022 (RM3,017,742). Lebih pendapatan ini menurun sebanyak 12.34% berbanding tahun 2022 (RM3,017,742). Pada 31 Disember 2023, aset semasa MBOT adalah RM22,273,896, melebihi liabiliti semasa sebanyak RM565,378, menghasilkan nisbah semasa 39.40:1. Ini menunjukkan keupayaan MBOT dalam memaksimumkan aset semasa bagi memenuhi hutang semasa dan pembayaran lain.

Namun, pendapatan MBOT pada tahun 2023 menunjukkan penurunan sebanyak 4% berbanding tahun 2022 (RM9,554,952). Perbelanjaan pula mencatatkan peningkatan 0.17% daripada RM6,537,210 pada tahun 2023 berbanding RM6,548,010 pada tahun 2022. Peningkatan perbelanjaan ini adalah disebabkan peningkatan kos operasi yang melibatkan pengisian perjawatan, pembayaran honorarium panel penilai profesional, akreditasi program dan perbelanjaan berkaitan program yang dilaksanakan pada tahun 2023.

Walaupun MBOT mengalami penurunan dalam pendapatan dan lebih pendapatan, keupayaan kewangannya tetap kukuh dengan nisbah semasa yang sangat tinggi. Peningkatan perbelanjaan menunjukkan pelaburan dalam operasi dan program yang akan memberi manfaat jangka panjang.

PECAHAN TERIMAAN MBOT 2023





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Teknologis Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 35.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Teknologis Malaysia pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 [Akta 768].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Teknologis Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Anggota Lembaga, Lembaga Teknologis Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Teknologis Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Anggota Lembaga Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Teknologis Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 [Akta 768]. Anggota Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Teknologis Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Teknologis Malaysia, Anggota Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Teknologis Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Teknologis Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.


Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Teknologis Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Teknologis Malaysia;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Lembaga;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Lembaga dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Teknologis Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Teknologis Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Lembaga Teknologis Malaysia tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Lembaga Teknologis Malaysia, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Anggota Lembaga telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Anggota Lembaga, Lembaga Teknologis Malaysia berdasarkan keperluan Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 [Akta 768] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA


PUTRAJAYA
22 OGOS 2024





AFRIZAN TARMILI KHAIRUL AZHAR PLT

Chartered Accountants (LLP0031255-LCA) (AF1300)

Aftaas, 2, Jalan Rampai Niaga 2, Rampai Business Park, 53300, Kuala Lumpur

 (603) 4143 9330

 (603) 4142 9330

 aftaas@aftaas.com

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) yang terdiri daripada Penyata Kedudukan Kewangan MBOT pada 31 Disember 2023, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai MBOT berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuk ringkasan polisi perakaunan yang signifikan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan MBOT telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia ("MPSAS") dan Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 (Akta 768) untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Asas Kepada Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dihuraikan dengan lebih lanjut dalam laporan ini di bahagian "Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan". Kami percaya bahawa bukti-bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika lain

Kami bebas daripada MBOT (Berhubung Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Akauntan Profesional ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi lain-lain etika tanggungjawab mengikut Kod IESBA.

Maklumat Lain Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit

Anggota Lembaga bertanggungjawab untuk lain-lain maklumat. Lain-lain maklumat terdiri daripada maklumat yang termasuk dalam penyata kewangan, tetapi tidak termasuk penyata kewangan dan Laporan Juruaudit kami.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan tidak termasuk maklumat lain dan oleh itu kami tidak menyatakan sebarang pendapat berkaitan dengannya.



Member of Parker Russell International



**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMB.)**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan (Samb.)

Maklumat Lain Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit (Samb.)

Pengauditan kami ke atas penyata kewangan juga menghendaki kami untuk menyemak lain-lain maklumat tersebut bagi memastikan ia selari dengan penyata kewangan dan tidak bercanggah dengan pengetahuan kami serta boleh menyebabkan lain-lain maklumat ini terdapat salah nyata yang material.

Sekiranya berdasarkan kerja yang lelah kami jalankan, kami mendapati terdapat salah nyata yang material di dalamnya, kami perlu melaporkan fakta-fakta tersebut mengikut kesesuaian. Tiada Laporan Ahli Anggota Lembaga dilampirkan bersama-sama dengan penyata kewangan ini. Oleh itu, kami tiada perkara yang perlu dilaporkan oleh kami berkaitan perkara ini.

Tanggungjawab Anggota Lembaga Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Lembaga bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan MBOT yang memberi gambaran yang benar dan saksama berdasarkan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia ("MPSAS") dan Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 (Akta 768). Anggota Lembaga juga bertanggungjawab ke atas kawalan dalaman berkaitan penyediaan dan pembentangan yang saksama penyata kewangan MBOT, yang bebas dari kesilapan yang material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan MBOT, Anggota Lembaga bertanggungjawab untuk menilai kebolehupayaan MBOT untuk kekal sebagai usaha berterusan, dan menyatakan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan, kecuali sekiranya Anggota Lembaga berhasrat untuk membubarkan atau memberhentikan operasinya, atau tiada pilihan alternatif yang realistik selain dari berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk mendapat keyakinan munasabah sama ada penyata kewangan MBOT secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Keyakinan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa ini akan sentiasa mengesan salah nyata yang material apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap material jika, secara individu atau dalam agregat, salah nyata ini dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.



Member of Parker Russell International



**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMB.)**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan (Samb.)

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Penyata Kewangan (Samb.)

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan penilaian profesional dan mengekalkan keraguan profesional semasa menjalankan audit. Kami juga:

- i) Mengetahui dan menilai risiko kesalahan ketara dalam penyata kewangan MBOT, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit bersesuaian dengan risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk memberikan asas yang munasabah terhadap pendapat kami. Risiko untuk tidak mengesan kesalahan ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan secara sengaja, gambaran yang salah, atau melangkau kawalan dalaman.
- ii) Mendapatkan pemahaman dalam kawalan dalaman yang relevan terhadap audit bagi tujuan merangka prosedur yang bersesuaian, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman MBOT.
- iii) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kewajaran anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh Anggota Lembaga.
- iv) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Lembaga, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan terhadap keupayaan MBOT untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian wujud, kami dikehendaki untuk melaporkan dalam laporan juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami dibuat berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walaubagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan boleh menyebabkan MBOT untuk berhenti daripada terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan.
- v) Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan MBOT, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mewakili urusan niaga dan peristiwa dalam cara yang mencapai pembentangan saksama.



Member of Parker Russell International



**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMB.)**

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Penyata Kewangan (Samb.)

Kami berkomunikasi dengan Anggota Lembaga mengenai, antara lain, skop yang dirancang dan masa pengauditan dan penemuan penting, termasuk apa-apa kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa audit kami.

Hal-hal lain

Laporan ini disediakan hanya kepada Ketua Audit Negara menurut Seksyen 7 (3) Akta Audit 1957 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain bagi kandungan laporan ini.


AFRIZAN TARMILI KHAIRUL AZHAR PLT
(LLP0031255-LCA) (AF1300)
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia

Tarikh: 21 Jun 2024


IMRAN AZAMBIN SAFAR
Akauntan Bertauliah (M)
03323/09/2025 J
Rakan Kongsi



4
Member of Parker Russell International

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2023

	NOTA	2023 RM	2022 RM
ASET			
Aset Semasa			
Wang di Bank	5	5,225,995	5,998,934
Deposit Tetap	6	16,633,449	14,140,373
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	7	195,775	145,770
Bayaran Terdahulu	8	218,677	373,878
Jumlah Aset Semasa		<u>22,273,896</u>	<u>20,658,955</u>
Aset Bukan Semasa			
Deposit	10	108,600	102,600
Hartanah, Loji dan Peralatan	11	424,295	496,813
Aset Dalam Pembinaan	9	218,890	-
Aset Tak Ketara	12	6,859	23,519
Jumlah Aset Bukan Semasa		<u>758,644</u>	<u>622,932</u>
Jumlah Aset		<u>23,032,540</u>	<u>21,281,887</u>
LIABILITI			
Liabiliti Semasa			
Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	13	92,643	141,099
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Bayar	14	-	102,000
Lain-Lain Belum Bayar	15	101,889	21,829
Pendapatan Terdahulu- Fi Akreditasi	16	50,870	625,650
Peruntukan Manfaat Pekerja	17	249,616	368,172
Peruntukan Cukai	18	70,360	54,459
Jumlah Liabiliti Semasa		<u>565,378</u>	<u>1,313,209</u>
Jumlah Liabiliti		<u>565,378</u>	<u>1,313,209</u>
ASET BERSIH		<u>22,467,162</u>	<u>19,968,678</u>
ASET BERSIH			
Lebihan Terkumpul		22,467,162	19,968,678
Jumlah Aset Bersih		<u>22,467,162</u>	<u>19,968,678</u>

(Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini)

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	NOTA	2023 RM	2022 RM
Hasil Urus Niaga Pertukaran	19	9,116,640	9,247,452
Hasil Urus Niaga Bukan Pertukaran	20	70,000	307,500
Lain-lain Hasil	21	6,617	-
Jumlah Hasil		<u>9,193,257</u>	<u>9,554,952</u>
Belanja			
Upah, Gaji dan Manfaat Pekerja	22	2,828,364	2,868,142
Perbelanjaan Am		42,734	51,820
Sewaan	23	408,790	397,149
Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	11	184,825	182,770
Hapus Kira Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	11	-	(708)
Pelunasan Aset Tak Ketara	12	16,660	20,053
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil		36,792	38,273
Perbelanjaan Perjalanan & Penginapan	24	423,475	487,214
Perhubungan dan Utiliti	25	200,134	214,427
Perkhidmatan Percetakan		260,017	175,978
Perkhidmatan Pekerja Sambilan/ Sementara		143,581	148,285
Lain-lain Belanja Perkhidmatan	26	613,844	393,867
Elaun Mesyuarat & Panel Penilai	27	804,340	1,029,060
Kakitangan Penting Pihak Pengurusan	28	373,797	323,768
Program MBOT Technology & Innovation Expo 2021 (MTeX'21)	29	-	35,041
Program ENTICE	30	210,657	147,551
Program <i>Upskilling For Deeptech & Futureskills</i>	31	-	24,520
Jumlah Belanja		<u>6,548,010</u>	<u>6,537,210</u>
Lebihan Sebelum Cukai		<u>2,645,247</u>	<u>3,017,742</u>
Cukai		146,763	92,247
Lebihan Bagi Tahun		<u>2,498,484</u>	<u>2,925,495</u>

(Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini)

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	LEBIHAN TERKUMPUL RM
Baki pada 01.01.2022	17,043,183
Lebihan bagi Tahun	2,925,495
Baki pada 31.12.2022	19,968,678
Baki pada 01.01.2023	19,968,678
Lebihan bagi Tahun	2,498,484
Baki pada 31.12.2023	22,467,162

(Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini)

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	NOTA	2023 RM	2022 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Lebih sebelum cukai		2,645,247	3,017,742
Pelarasan:			
Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	11	184,825	182,770
Hapus Kira Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	11	-	(708)
Keuntungan atas Jualan Hartanah, Loji dan Peralatan	21	(6,617)	-
Pelunasan Aset Tak Ketara	12	16,660	20,053
Keuntungan atas Deposit Tetap dan Akaun Semasa	19	(567,012)	(327,686)
Manfaat Pekerja	17	119,361	347,303
Lebih bagi Tahun Sebelum Perubahan dalam Modal Kerja		2,392,464	3,239,474
Penurunan dalam Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	7	430	759
Penurunan Bayaran Terdahulu	8	155,201	97,045
(Penurunan)/ Peningkatan dalam Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	13	(48,456)	(63,607)
(Penurunan)/ Peningkatan dalam Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Bayar	14	(102,000)	102,000
Peningkatan/ (Penurunan) Lain-lain Belum Bayar	15	80,060	(3,563)
(Penurunan)/ Peningkatan Pendapatan Terdahulu- Fi Akreditasi	16	(574,780)	294,650
Tunai Bersih daripada Aktiviti Operasi		1,902,919	3,666,758
Deposit Dibayar	10	(6,000)	(600)
Cukai Dibayar	18	(130,862)	(16,050)
Manfaat Pekerja Dibayar	17	(237,917)	(270,634)
Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Operasi		1,528,140	3,379,474
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Perolehan Hartanah, Loji dan Peralatan	11	(129,190)	(47,029)
Aset Dalam Pembinaan	9	(218,890)	(14,224)
Terimaan Keuntungan atas Deposit Tetap dan Akaun Semasa		516,577	303,187
Terimaan atas Penjualan Aset		23,500	
Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Pelaburan		191,997	241,934
Peningkatan Bersih dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai		1,720,137	3,621,408
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		20,139,307	16,517,899
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun		21,859,444	20,139,307
Tunai dan kesetaraan tunai diwakili oleh:			
Wang di Bank	5	5,225,995	5,998,934
Deposit Tetap	6	16,633,449	14,140,373
		21,859,444	20,139,307

(Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

1. MAKLUMAT AM

Penyata Kewangan Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) bagi tahun kewangan 2023 telah diluluskan oleh Anggota Lembaga Teknologis Malaysia Bil.3/2024 pada 2 April 2024.

Penyata kewangan ini telah disediakan dalam mata wang Ringgit Malaysia ("RM") iaitu mata wang fungsi dan mata wang persembahan MBOT.

2. KEGIATAN UTAMA

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) merupakan sebuah badan profesional yang ditubuhkan melalui Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 (Akta 768) pada 1 Ogos 2015. Kegiatan utama MBOT adalah mengiktiraf profesion teknologis dan juruteknik sebagai profesion ikhtisas di Malaysia serta menubuhkan majlis bagi menilai jaminan kualiti program dalam bidang teknologi dan teknikal.

3. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

- (a) Penyata Kewangan MBOT telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dengan andaian bahawa kegiatan MBOT adalah berterusan;
- (b) Akaun-akaun MBOT yang disediakan telah disesuaikan untuk mematuhi Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 (Akta 768) dan peraturan-peraturan yang diperbuat di bawahnya;
- (c) Penyata Kewangan MBOT telah disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS);
- (d) Tiada piawaian/pindaan baru yang digunapakai oleh MBOT di dalam tahun kewangan semasa; dan

3. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

- (e) Piawaian/Pindaan berikut telah dikeluarkan yang akan berkuatkuasa pada 01 Januari 2024.

Amendments to MPSAS 1, Presentation of Financial Statements

Amendments to MPSAS 2, Cash Flow Statements

Amendments to MPSAS 3, Accounting Policies, Changes in Accounting Estimates and Errors

Amendments to MPSAS 9, Revenue from Exchange Transactions

Amendments to MPSAS 13, Leases

Amendments to MPSAS 14, Events After The Reporting Date

Amendments to MPSAS 17, Property, Plant and Equipment

Amendments to MPSAS 19, Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets

Amendments to MPSAS 20, Related Party Disclosures

Amendments to MPSAS 21, Impairment of Non-Cash-Generating Assets

Amendments to MPSAS 23, Revenue From Non-Exchange Transactions (Taxes and Transfers)

Amendments to MPSAS 24, Presentation of Budget Information in Financial Statements

Amendments to MPSAS 25, Employee Benefits

Amendments to MPSAS 26, Impairment of Cash-Generating Assets

Amendments to MPSAS 28, Financial Instruments: Presentation

Amendments to MPSAS 29, Financial Instruments: Recognition and Measurement

Amendments to MPSAS 30, Financial Instruments: Disclosures

Amendments to MPSAS 31, Intangible Assets

Piawaian/Pindaan di atas tidak akan memberi kesan yang ketara kepada penyata kewangan MBOT apabila ia berkuatkuasa kelak.

4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

- (a) **Tunai dan Kesetaraan Tunai**

Penyata Aliran Tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan Kesetaraan Tunai adalah terdiri daripada Wang di Bank dan Deposit Tetap di Bank-bank berlesen yang bertarikh matang kurang daripada 12 bulan yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

(b) Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul.

Susut nilai bagi Hartanah, Loji dan Peralatan dikira berasaskan kaedah garis lurus sepanjang tempoh usia guna aset tersebut pada kadar yang berikut:

KATEGORI	USIA GUNA (TAHUN)
Kenderaan	8
Perabot	10
Komputer dan Peralatan ICT	5
Pengubahsuaian Pejabat	2 - 3
Peralatan dan Kelengkapan Pejabat	5

Usia guna bagi pengubahsuaian pejabat adalah tertakluk berdasarkan tempoh kontrak perjanjian sewa.

Had nilai dipermodalkan untuk Hartanah, Loji dan Peralatan adalah RM2,000.00 bagi setiap item.

Nilai sisa, hayat guna dan kaedah susut nilai disemak semula pada setiap akhir tahun kewangan dan dilaraskan secara prospektif, sekiranya sesuai.

Sesebuah butiran hartanah, loji dan peralatan dinyahiktiraf pada masa ia dilupuskan atau apabila tiada faedah ekonomi masa hadapan dijangkakan daripada kegunaannya atau pelupusannya. Sebarang hasil atau kerugian atas penyahiktirafan aset ini dimasukkan dalam untung atau rugi pada tahun aset tersebut tidak diiktiraf.

(c) Aset Dalam Pembinaan

Aset Dalam Pembinaan terdiri daripada pembangunan sistem kewangan MBOT.

Pembangunan sistem kewangan MBOT akan diiktiraf sebagai Aset Tak Ketara apabila sistem telah siap sepenuhnya setelah disahkan oleh Pembekal dan MBOT.

4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

(c) Aset Dalam Pembinaan (Sambungan)

Aset Dalam Pembinaan tidak disusut nilai memandangkan aset ini masih dalam tempoh pembangunan dan akan dikategorikan sebagai Aset Bukan Semasa.

(d) Aset Tak Ketara

Aset tak ketara pada awalnya direkodkan pada kos.

Aset tak ketara dengan usia guna dapat ditentukan berikutnya dinyatakan pada kos ditolak dengan sebarang pelunasan dan kerugian rosot nilai (jika ada). Pelunasan dicaj kepada penyata prestasi kewangan secara garis lurus sepanjang usia guna aset. Pada kebiasaannya, usia guna perisian dan sistem komputer adalah tiga hingga lima tahun. Usia guna dan kaedah pelunasan dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan dan dilaraskan secara prospektif, sekiranya sesuai.

Aset tak ketara dengan usia guna tidak dapat ditentukan tidak dilunaskan, tetapi diuji setiap tahun untuk rosot nilai. Untung dan rugi daripada pelupusan aset tak ketara diiktirafkan dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh urusan niaga tersebut berlaku.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambilkira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

(e) Penjejasan Aset Bukan Kewangan

Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, MBOT mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

(e) Penjelasan Aset Bukan Kewangan (Sambungan)

Aset Penjana Tunai (Sambungan)

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya. Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urusan pasaran terkini akan diambil kira, jika ada. Jika tiada urusan pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, MBOT menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf dalam tempoh terdahulu bagi sesuatu aset hendaklah dibalikkan jika, dan hanya jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

Aset Penjana Bukan Tunai

MBOT akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjana bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka MBOT akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

(e) Penjelasan Aset Bukan Kewangan (Sambungan)

Aset Penjanaaan Bukan Tunai (Sambungan)

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, MBOT telah menggunakan pendekatan kos penggantian yang disusutnilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusutnilai. Kos penggantian yang disusutnilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susutnilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, MBOT menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf dalam tempoh terdahulu bagi sesuatu aset hendaklah dibalikkan jika, dan hanya jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

(f) Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila MBOT menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusaniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

(f) Liabiliti Kewangan (Sambungan)

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan serta pinjaman dan belum bayar.

Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau rosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang nyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh penyahiktirafan.

(g) Bayaran Terdahulu

Bayaran Terdahulu adalah amaun yang dibayar terlebih dahulu sebelum barangan atau perkhidmatan diterima. Bayaran Terdahulu dibuat kepada Touch 'n Go bagi percetakan kad keahlian dan diiktiraf selepas terimaan barang atau perkhidmatan telah disempurnakan.

4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

(h) Peruntukan Liabiliti

Peruntukan diiktiraf apabila MBOT mempunyai kewajipan undang-undang dan konstruktif semasa akibat peristiwa masa lalu dan terdapat kemungkinan aliran keluar sumber yang merangkumi faedah ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan tersebut dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh pelaporan dan diselaraskan untuk mencerminkan anggaran terbaik semasa. Sekiranya tidak lagi mungkin bahawa aliran keluar sumber ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan, peruntukan itu dibalikkan.

(i) Pengiktirafan Hasil

(i) Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam MBOT, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Aliran masuk sumber daripada urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti telah dipenuhi, MBOT hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

(ii) Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran yang diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada MBOT dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Pengiktirafan hasil MBOT yang terdiri daripada:

- (1) Fi Pendaftaran – Hasil akan diiktirafkan berdasarkan permohonan yang layak dan telah diputuskan oleh Lembaga dalam tahun kewangan yang sama;

4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

(i) **Pengiktirafan Hasil (Sambungan)**

(ii) Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran (Sambungan)

- (2) Fi Penilaian Profesional – bayaran diterima daripada teknologis ijazah/juruteknik berkelayakan apabila membuat permohonan penilaian. Hasil akan direkodkan apabila pemohon membuat permohonan penilaian pada tahun kewangan yang sama;
- (3) Fi Pembaharuan Keahlian – dibayar oleh Teknologis Profesional/Juruteknik Bertauliah setiap tahun apabila tamat tempoh keahlian dalam tahun kewangan. Hanya yuran tahunan berkaitan dengan tahun kewangan semasa diiktiraf sebagai pendapatan;
- (4) Fi Akreditasi – dibayar oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) mahupun Pemberi Pengajian Tinggi (PPT) berdasarkan program teknologi dan teknikal yang didaftarkan bagi tujuan akreditasi. Pengiktirafan akreditasi adalah berdasarkan perkhidmatan akreditasi yang dijalankan di dalam tahun kewangan yang sama;
- (5) Keuntungan daripada pelaburan yang diterima pada tarikh matang /pengeluaran serta keuntungan dari simpanan akaun semasa. Keuntungan dari mana-mana pelaburan yang dibuat diiktiraf pada dasar perkadaran masa; dan
- (6) Yuran Bengkel – Merupakan yuran yang dibayar oleh ahli MBOT bagi menyertai bengkel-bengkel yang dianjurkan oleh MBOT pada tahun kewangan semasa. Pengiktirafan hasil dibuat apabila bengkel tersebut diadakan pada tahun kewangan semasa.

4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

(j) Manfaat Pekerja

(i) Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, elaun, bonus, sumbangan keselamatan sosial, manfaat-manfaat bukan kewangan dan pelbagai cuti termasuk cuti tahunan dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan MBOT. Manfaat bagi ganjaran cuti tahunan yang tidak dapat dihabiskan dalam tempoh kontrak (kurang 12 bulan) juga dibayar dan dianggap sebahagian daripada manfaat pekerja jangka pendek.

MBOT mengiktiraf pemberian wang tunai sebagai gantian bagi cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan oleh pegawai lantikan secara kontrak. Pemberian ini adalah diberi selepas tamatnya tempoh kuatkuasa sesuatu kontrak. Pembayaran wang tunai ini dikira berdasarkan formula berikut:

$1/30 \times$ jumlah gaji dan imbuhan tetap bulanan (yang akhir diterima bagi kontrak berkaitan) \times bilangan cuti rehat yang dibenarkan (tertakluk kepada maksima 15 hari atau $\frac{1}{2}$ daripada kadar cuti rehat yang berkelayakan pada tahun berkenaan)

Pemberian wang tunai ini yang akan dibayar pada tahun kewangan berikutnya dijadikan sebagai peruntukan dalam liabiliti semasa berdasarkan had maksima yang boleh dibayar sebanyak 15 hari.

(ii) Manfaat Selepas Perkhidmatan

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

MBOT mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut diiktiraf ke dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

Kumpulan Wang Persaraan (KWAP)

MBOT mencarum kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bagi kakitangan yang diberi taraf berpencen pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut diiktiraf ke dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

Selain itu, MBOT akan menggunakan pekeliling-pekeling berkaitan dengan manfaat atau ganjaran kepada kakitangan yang diluluskan oleh MBOT termasuk pekeling-pekeling Perkhidmatan Awam yang berkaitan dari semasa ke semasa.

4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

(k) Cukai

(i) Cukai Pendapatan

Hasil pendapatan MBOT adalah berlandaskan kepada fungsi yang dilaksanakan seperti dalam Akta 768. Oleh yang demikian, cukai ke atas hasil pendapatan MBOT adalah dikecualikan berdasarkan kepada Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No 22) 2006.

(ii) Cukai atas keuntungan hasil pelaburan

Mana-mana keuntungan yang diperoleh hasil dari pelaburan ke dalam simpanan tetap yang berjangka pendek atau panjang adalah tertakluk kepada cukai. Cukai yang diiktiraf adalah jangkaan jumlah cukai ke atas keuntungan simpanan tetap yang perlu dibayar untuk keuntungan boleh cukai bagi tahun kewangan sebelum dan semasa dan dikira menggunakan kadar cukai yang digubal pada tarikh pelaporan.

(l) Pendedahan Pihak Berkaitan

Pihak berkaitan adalah kakitangan penting pihak pengurusan yang merupakan Presiden dan Anggota Lembaga MBOT yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarahkan, dan mengawal aktiviti MBOT sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan Pengurusan Utama dibayar elaun mesyuarat dan elaun kehadiran mesyuarat atau jawatankuasa yang dipertanggungjawabkan.

(m) Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

(i) Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

(ii) Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

(m) **Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran (Sambungan)**

(ii) **Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran (Sambungan)**

(1) **Elaun Rosot Nilai bagi Siberhutang**

MBOT menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif hutang ragu, MBOT menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti potensi hutang tak mampu dibayar, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit serupa.

(2) **Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Aset Ketara dan Aset Tak Ketara**

Semua aset ketara dan aset tak ketara disusutnilaikan dan dilunaskan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susutnilai dan pelunasan aset pada masa hadapan akan disemak semula.

(3) **Pengukuran Peruntukan**

MBOT sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

(n) Instrumen Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila MBOT menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusan niaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam memperoleh aset kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori aset kewangan iaitu aset kewangan pinjaman dan belum terima dan pelaburan dipegang hingga matang.

MBOT hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

(i) Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan.

(ii) Dipegang Hingga Matang

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai pelaburan dipegang hingga matang apabila MBOT mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, pelaburan dipegang hingga matang diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

(n) **Instrumen Kewangan (Sambungan)**

(ii) Dipegang Hingga Matang (Sambungan)

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa aset kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan diterima adalah diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh penyahiktirafan.

(o) **Pajakan**

(i) Pajakan Kewangan memindahkan, sebahagian besar risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan Aset yang dipajak kepada MBOT sebagai Penerima Pajak. Pengiktirafan awal untuk Pajakan Kewangan mengiktiraf Aset dan Liabiliti pada amaun terendah antara Nilai Saksama Aset yang dipajak dan Nilai Kini Bayaran Pajak Minimum. Nilai yang dipermodalkan dilunaskan sepanjang tempoh MBOT menjangka untuk menerima manfaat daripada pajakan tersebut.

(ii) Pajakan Operasi, mengekalkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan Pemberi Pajak. Ia diiktiraf secara sistematik sepanjang tempoh pajakan. Penambahbaikan pegangan Pajakan dipermodalkan dan kosnya dilunaskan sepanjang baki Tempoh Pajakan atau anggaran Usia Guna penambahbaikan dengan mengambil tempoh yang lebih pendek. Insentif Pajakan yang diterima diiktirafkan dengan kadar sama rata ke atas jangka masa Pajakan sebagai pengurangan Belanja Sewa.

(p) **Rosotnilai Aset Kewangan**

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, MBOT akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

- (i) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;
- (ii) pembayaran tertunggak;
- (iii) kemungkinan bahawa peminjam akan mufli; atau
- (iv) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

(p) Rosotnilai Aset Kewangan (Sambungan)

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam MBOT yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dengan serta-merta.

Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dengan serta-merta.

5. WANG DI BANK

	2023 RM	2022 RM
Wang di bank:	903,253	1,131,223
Bank Islam Malaysia Berhad - Cawangan Putrajaya (Bayaran)	2,664,515	3,029,073
Bank Islam Malaysia Berhad - Cawangan Putrajaya (Terimaan)	50,059	49,314
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad - Cawangan Putrajaya	811	876
Malayan Banking Berhad – Cawangan Putrajaya	1,607,357	1,788,448
Bank Affin Islamik Berhad – Cawangan Putrajaya	5,225,995	5,998,934

6. DEPOSIT TETAP

	2023 RM	2022 RM
Bank Islam Malaysia Berhad - Cawangan Putrajaya	1,554,126	8,566,199
Bank Affin Islamik Berhad – Cawangan Putrajaya	6,243,072	2,538,924
Bank Muamalat Malaysia Berhad – Cawangan Putrajaya	8,836,251	3,035,250
	<u>16,633,449</u>	<u>14,140,373</u>

Deposit Tetap merupakan pelaburan jangka pendek yang dipegang sehingga matang. Pelaburan ini dilaburkan di bank-bank berlesen setelah mendapat kelulusan Lembaga untuk tempoh antara enam (6) bulan hingga dua belas (12) bulan berdasarkan kepada tawaran kadar perletakan pelaburan semula. Kadar faedah deposit tetap bagi MBOT pada 31 Disember 2023 adalah di antara 2.75 peratus sehingga 4.10 peratus.

7. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

	2023 RM	2022 RM
Keuntungan atas Deposit Tetap yang Belum Terima:		
- Deposit Tetap Bank Islam Malaysia Berhad - Cawangan Putrajaya	14,632	98,960
- Deposit Tetap Bank Affin Islamik Berhad – Cawangan Putrajaya	57,941	18,554
- Deposit Tetap Bank Muamalat Malaysia Berhad – Cawangan Putrajaya	122,868 334	27,492 764
Lain-lain Belum Terima	<u>195,775</u>	<u>145,770</u>

Nota: Lain-lain Belum Terima merangkumi bayaran bagi inouis untuk bayaran fi akreditasi, fi pendaftaran keahlian dan yuran bengkel.

8. BAYARAN TERDAHULU

	2023 RM	2022 RM
Bayaran kepada Touch 'N Go Sdn Bhd	218,677	356,700
Bayaran Prabayar	-	17,178
	<u>218,677</u>	<u>373,878</u>

Nota: Bayaran kepada TNGO melibatkan perkhidmatan percetakan kad keahlian BIZSpoke yang telah dibuat bayaran penuh tetapi terimaan barang adalah berdasarkan kepada jumlah tempahan kad oleh MBOT.

9. ASET DALAM PEMBINAAN

	2023 RM	2022 RM
Baki pada 1 Januari		91,572
Tambahan	218,890	14,224
Pindahan ke Hartanah, Loji dan Peralatan (Nota 11)	-	(105,796)
Baki pada 31 Disember	<u>218,890</u>	<u>-</u>

MBOT telah memulakan pembinaan sistem kewangan pada awal tahun 2023 dan masih diperingkat Pembangunan.

Sistem Kewangan tersebut akan diiktiraf sebagai Aset Tak Ketara apabila kerja-kerja selesai dijalankan dan bayaran akhir telah dibuat.

10. DEPOSIT

	2023 RM	2022 RM
Deposit Berbayar		
- Sewaan Ruang Pejabat (Cekap Usaha Jaya SB)	60,000	60,000
- Sewaan Ruang Pejabat Baru (Laksamana Builders SB)	34,000	28,000
- Fit-Out-Deposit Pejabat Baru (Laksamana Builders SB)	14,000	14,000
- Sewaan Pejabat Maya (Educity)	600	600
	<u>108,600</u>	<u>102,600</u>

11. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

2022

	Perabot RM	Komputer dan Peralatan ICT RM	Kenderaan RM	Pengubahsuaian Pejabat RM	Peralatan dan Kelengkapan Pejabat RM	Jumlah RM
KOS						
Pada 01.01.2023	167,246	295,493	162,180	309,482	84,061	1,018,462
Tambahan	5,091	19,940	101,878	-	2,281	129,190
Pelupusan	-	-	(77,180)	-	-	(77,180)
Pada 31.12.2023	172,337	315,433	186,878	309,482	86,342	1,070,472
SUSUT NILAI						
Pada 01.01.2023	23,470	184,964	92,416	186,994	33,805	521,649
Tambahan	16,937	43,606	22,588	87,212	14,482	184,825
Pelupusan	-	-	(60,297)	-	-	(60,297)
Pada 31.12.2023	40,407	228,570	54,707	274,206	48,287	646,177
NILAI BUKU BERSIH	131,930	86,863	132,171	35,276	38,055	424,295

2021

	Perabot RM	Komputer dan Peralatan ICT RM	Kenderaan RM	Pengubahsuaian Pejabat RM	Peralatan dan Kelengkapan Pejabat RM	Jumlah RM
KOS						
Pada 01.01.2022	108,050	261,064	162,180	260,982	81,861	874,137
Pindahan Dari Aset Dalam Pembinaan (Nota 9)	55,096	-	-	48,500	2,200	105,796
Tambahan	12,600	34,429	-	-	-	47,029
Hapus kira	(8,500)	-	-	-	-	(8,500)
Pada 31.12.2022	167,246	295,493	162,180	309,482	84,061	1,018,462
SUSUT NILAI						
Pada 01.01.2022	8,104	138,812	72,144	101,129	19,398	339,587
Tambahan	16,074	46,152	20,272	85,865	14,407	182,770
Hapus kira	(708)	-	-	-	-	(708)
Pada 31.12.2022	23,470	184,964	92,416	186,994	33,805	521,649
NILAI BUKU BERSIH	143,776	110,529	69,764	122,488	50,256	496,813

12. ASET TAK KETARA**Pembangunan Web Portal & Sistem Pendaftaran MBOT**

	2023 RM	2022 RM
KOS		
Pada 1 Januari	100,262	100,262
Tambahan	-	-
Pada 31 Disember	100,262	100,262
PELUNASAN		
Pada 1 Januari	76,743	56,690
Tambahan	16,660	20,053
Pada 31 Disember	93,403	76,743
JUMLAH	6,859	23,519

Aset Tak Ketara merupakan pembangunan Web Portal dan Sistem Pendaftaran MBOT yang dibangunkan bagi membantu dalam penyebaran maklumat kepada orang awam serta memudahkan pendaftaran dan pembayaran yuran keahlian melalui dalam talian.

13. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM BAYAR

	2023 RM	2022 RM
Bayaran Tertunggak		
- Bayaran Panel Penilai Profesional	14,900	2,500
- Bayaran Panel Penilai Akreditasi	71,900	119,700
- Lain-lain Bayaran	5,843	18,899
	92,643	141,099

14. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM BAYAR

	2023 RM	2022 RM
Program STEP4IR	-	102,000
	-	102,000

Program STEP4IR merupakan inisiatif Kerajaan Malaysia melalui Majlis Pekerjaan Negara dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bagi mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia pasca-pandemik COVID-19. Kumpulan sasar bagi program ini adalah individu yang sedang mencari kerja, pekerja yang dibuang kerja, graduan universiti dan mereka yang tiada pendapatan tetap.

15. LAIN-LAIN BELUM BAYAR

	2023 RM	2022 RM
Fi Audit	12,000	11,130
Bayaran Tertunggak	89,889	10,699
	<u>101,889</u>	<u>21,829</u>

16. PENDAPATAN TERDAHULU – FI AKREDITASI

	2023 RM	2022 RM
Fi Akreditasi	50,870	625,650
	<u>50,870</u>	<u>625,650</u>

Nota: Pendapatan terdahulu merupakan bayaran yang sudah diterima terlebih dahulu daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) untuk fi akreditasi yang belum dijalankan pada tahun semasa. MBOT akan mengiktiraf penerimaan ini sebagai Fi Akreditasi apabila proses akreditasi telah selesai dijalankan pada masa akan datang.

17. PERUNTUKAN MANFAAT PEKERJA

2023	Gantian Cuti Rehat	Kemudahan Perubatan	Faedah Lain	Jumlah
Baki Pada 1 Januari	51,033	5,663	311,476	368,172
Peruntukan untuk Tahun Semasa	32,644	6,721	206,586	245,951
Bayaran Pada Tahun Semasa	(22,350)	(5,361)	(210,206)	(237,917)
	61,327	7,023	307,856	376,206
Pelarasan Peruntukan Tahun 2022	(25,018)	(302)	(101,270)	(126,590)
Baki Pada 31 Disember	<u>36,309</u>	<u>6,721</u>	<u>206,586</u>	<u>249,616</u>
2022	Gantian Cuti Rehat	Kemudahan Perubatan	Faedah Lain	Jumlah
Baki Pada 1 Januari	33,017	2,441	256,045	291,503
Peruntukan untuk Tahun Semasa	51,033	5,663	311,476	368,172
Bayaran Pada Tahun Semasa	(29,858)	(2,441)	(238,335)	(270,634)
	54,192	5,663	329,186	389,041
Pelarasan Peruntukan Tahun 2021	(3,159)	-	(17,710)	(20,869)
Baki Pada 31 Disember	<u>51,033</u>	<u>5,663</u>	<u>311,476</u>	<u>368,172</u>

18. CUKAI

	2023 RM	2022 RM
Baki Pada 1 Januari	54,459	(21,738)
Peruntukan Cukai untuk Tahun Semasa	146,763	92,247
Bayaran pada Tahun Semasa	(130,862)	(16,050)
Baki Pada 31 Disember	<u>70,360</u>	<u>54,459</u>

Perbezaan ketara antara perbelanjaan cukai dan keuntungan perakaunan dikalikan dengan kadar cukai berkanun adalah disebabkan oleh kesan cukai daripada perkara berikut: -

	2023 RM	2022 RM
Pendapatan Berkanun Lain:	23,500	31,074
Keuntungan atas Akaun Semasa	543,512	296,613
Keuntungan atas Deposit Tetap	70,000	107,500
Sumbangan	<u>637,012</u>	<u>435,187</u>
Jumlah Pendapatan Bercukai		
Cukai Pada Kadar Berkanun		
RM600,000 pertama (2022: RM400,000 pertama)	136,400	83,450
Baki pada kadar 28% (2022: 25%)	10,363	8,797
Jumlah Perbelanjaan Cukai untuk Tahun Semasa	<u>146,763</u>	<u>92,247</u>

Hasil pendapatan MBOT adalah berlandaskan kepada fungsi yang dilaksanakan seperti dalam Akta 768 dan dikecualikan cukai berdasarkan Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No 22) 2006.

Pengiraan cukai di atas adalah berdasarkan keuntungan hasil pelaburan yang diperoleh daripada pelaburan ke dalam simpanan tetap dan juga sumbangan yang diterima dalam tahun semasa. Cukai akan dikira menggunakan kadar cukai yang digubal pada tarikh pelaporan.

19. HASIL URUS NIAGA PERTUKARAN

	2023 RM	2022 RM
Fi Pendaftaran	1,954,950	2,605,150
Fi Penilaian Profesional	2,798,700	3,115,500
Fi Pembaharuan Keahlian	2,469,700	1,564,980
Fi Akreditasi	1,035,150	1,388,313
Yuran Bengkel	245,078	214,323
Yuran Tahunan - Approve Training Provider	46,050	31,500
Keuntungan atas Akaun Semasa	23,500	31,073
Keuntungan atas Deposit Tetap	543,512	296,613
	<u>9,116,640</u>	<u>9,247,452</u>

20. HASIL URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN

	2023 RM	2022 RM
Dana Program Upskilling for Deeptech & Futureskills – Program	-	200,000
STEP4IR	70,000	107,500
Sumbangan	<u>70,000</u>	<u>307,500</u>

21. LAIN-LAIN HASIL

	2023 RM	2022 RM
Keuntungan atas Jualan Hartanah, Loji dan Peralatan	6,617	-
	<u>6,617</u>	<u>-</u>

22. UPAH, GAJI DAN MANFAAT PEKERJA

	2023 RM	2022 RM
Gaji	2,288,276	2,150,943
Sumbangan Berkanun:		
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	306,470	295,513
- Kumpulan Wang Amanah Pencen	19,347	16,984
- Pertubuhan Keselamatan Sosial	32,090	31,315
Tuntutan Kerja Lebih Masa	5,438	11,676
Bantuan Khas Kewangan & Faedah Lain	123,133	284,817
Insentif Khas Perkhidmatan	-	-
Manfaat Pekerja:		
- Gantian Cuti Rehat	3,840	41,953
- Kemudahan Perubatan Klinik Panel	49,070	33,841
- Yuran Keahlian Badan Professional & Rekreasi	700	1,100
	<u>2,828,364</u>	<u>2,868,142</u>

23. SEWAAN

	2023 RM	2022 RM
Sewaan Pejabat	362,000	350,000
Sewaan Kelengkapan Pejabat	22,284	22,309
Lain-lain Sewaan	24,506	24,840
	<u>408,790</u>	<u>397,149</u>

24. PERBELANJAAN PERJALANAN & PENGINAPAN

	2023 RM	2022 RM
Perjalanan & Penginapan Dalam Negeri	286,060	316,106
Perjalanan & Penginapan Luar Negeri	137,415	171,108
	<u>423,475</u>	<u>487,214</u>

Nota: Perjalanan & penginapan dalam negeri merangkumi tuntutan perjalanan serta tempahan tiket penerbangan bagi kakitangan MBOT serta panel-panel akreditasi yang banyak membuat lawatan akreditasi di seluruh negeri dalam Malaysia. Ini kerana terdapat banyak permohonan akreditasi diterima pada tahun 2022 dari kolej vokasional dan politeknik. Bagi perjalanan & penginapan luar negeri merangkumi tempahan tiket penerbangan dan penginapan bagi penyertaan MBOT bagi libat urus di luar negara.

25. PERHUBUNGAN DAN UTILITI

	2023 RM	2022 RM
Perkhidmatan Pos Laju	61,250	60,449
Bekalan Elektrik	32,452	30,526
Bekalan Air	198	170
Caj Pembetulan	1,027	1,026
Rangkaian Internet dan Telefon	105,207	122,256
	<u>200,134</u>	<u>214,427</u>

26. LAIN-LAIN BELANJA PERKHIDMATAN

	2023 RM	2022 RM
Perkhidmatan Guaman	12,040	20,980
Perkhidmatan Pengauditan	12,000	11,130
Perkhidmatan Penerbitan/ Promosi	6,996	-
Yuran Persidangan & Latihan	7,123	6,080
Perkhidmatan Katering	73,252	55,428
Perkhidmatan Secara Pakej	179,892	81,525
Honorarium Penceramah/ Fasilitator	23,435	5,210
Lain-lain	299,106	213,514
	<u>613,844</u>	<u>393,867</u>

Nota: Lain-lain terdiri daripada bayaran langganan cloud server, bayaran lesen emel jabatan, caj meter mesin penyalin, bayaran caj bank, serta perkhidmatan kecil yang lain.

27. ELAUN MESYUARAT & PANEL PENILAI

	2023 RM	2022 RM
Elaun Mesyuarat:		
J/K Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal	25,600	13,400
J/K Penerbitan	8,800	2,000
J/K Peperiksaan & Kelayakan	13,300	17,600
J/K Pengurusan, Kewangan & Remunerasi	3,000	1,100
J/K Kualiti, Latihan & Pendidikan	10,000	10,300
J/K Kerja Seoul Accord	-	2,600
J/K Penyiasat	1,400	-
Lembaga Rayuan	3,800	5,500
Elaun Panel Penilai:		
Panel Penilai Profesional	492,480	690,250
Panel Penilai Program Akreditasi	245,960	286,310
	<u>804,340</u>	<u>1,029,060</u>

28. KAKITANGAN PENTING PIHAK PENGURUSAN

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti MBOT sama ada secara langsung atau tidak langsung. Pembayaran untuk kakitangan penting pihak pengurusan adalah seperti berikut:

	2023 RM	2022 RM
Elaun Bulanan	321,697	279,068
Elaun Kehadiran	40,500	39,500
Elaun Khas Lembaga MBOT	9,500	4,200
Bayaran Fi Profesional MBOT	2,100	1,000
	<u>373,797</u>	<u>323,768</u>

29. PROGRAM MBOT TECHNOLOGY & INNOVATION EXPO 2021 (MTEX'21)

	2023 RM	2022 RM
Lain-lain Belanja Perkhidmatan	-	35,041
	<u>-</u>	<u>35,041</u>

30. PROGRAM ENTICE

	2023 RM	2022 RM
Lain-lain Sewaan	28,500	116,035
Perbelanjaan Perjalanan & Penginapan	162,016	5,894
Perkhidmatan Percetakan	3,626	3,788
Lain-lain Belanja Perkhidmatan	16,515	21,834
	<u>210,657</u>	<u>147,551</u>

31. PROGRAM UPSKILLING FOR DEEPTECH & FUTURESKILLS

	2023 RM	2022 RM
Gaji dan elaun	-	15,900
Sumbangan berkanun	-	1,950
Fi Pendaftaran	-	6,670
	<u>-</u>	<u>24,520</u>

32. KOS PEKERJA

Jumlah perbelanjaan yang diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan adalah seperti berikut: -

	2023 RM	2022 RM
Gaji, elaun, tuntutan kerja lebih masa dan bonus	2,547,591	2,587,843
Sumbangan Berkanun	370,744	351,690
Manfaat Pekerja	53,610	76,894
	<u>2,971,945</u>	<u>3,016,427</u>

33. DASAR DAN PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Dasar pengurusan risiko kewangan MBOT bertujuan untuk memastikan bahawa terdapatnya sumber kewangan yang mencukupi untuk menguruskan risiko kredit, risiko pasaran dan risiko kecairan. MBOT beroperasi di bawah garis panduan yang telah ditetapkan dengan jelas yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

(i) Risiko Kredit

Tunai dan Kesetaraan Tunai

MBOT menghadkan pendedahannya kepada risiko kredit dengan melabur tunai dan kesetaraan tunai dengan hanya institusi kewangan yang bereputasi baik yang mempunyai penarafan kredit yang kukuh dan dalam garis panduan tertentu yang ditetapkan selaras dengan dasar pelaburan yang diluluskan. Oleh itu, MBOT tidak menganggap terdapat sebarang pendedahan yang ketara kepada risiko kredit.

(ii) Risiko Pasaran

Risiko Kadar Faedah

Risiko pasaran adalah risiko perubahan harga pasaran seperti kadar faedah, yang mempengaruhi pendapatan MBOT atau nilai pegangan instrumen kewangannya. Objektif pengurusan risiko pasaran adalah untuk mengurus dan mengawal pendedahan risiko pasaran dalam parameter yang boleh diterima, sambil mengoptimumkan pulangan atas risiko.

Analisis kepekaan kadar faedah tetap

MBOT tidak mengkategorikan sebarang aset kewangan yang mempunyai kadar faedah tetap pada nilai saksama melalui lebihan atau kekurangan. Oleh itu, tiada kesan kadar faedah ke atas penyata prestasi kewangan.

33. DASAR DAN PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(ii) Risiko Pasaran (Sambungan)

Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa MBOT akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan MBOT kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti MBOT pada tarikh laporan.

	DALAM TEMPOH SETAHUN RM	LEBIH TEMPOH SETAHUN RM	JUMLAH RM
Pada 31 Disember 2023	92,643	-	92,643
Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	101,889	-	101,889
Lain-lain Belum Bayar	249,616	-	249,616
Peruntukan Manfaat Pekerja	70,360		70,360
Peruntukan Cukai	514,508	-	514,508
Pada 31 Disember 2022			
Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	141,099	-	141,099
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Bayar	102,000		102,000
Lain-lain Belum Bayar	21,829	-	21,829
Peruntukan Manfaat Pekerja	368,172	-	368,172
Peruntukan Cukai	54,459	-	54,459
	687,559		687,559

MBOT mengurus risiko kecairan dan aliran tunai dengan memastikan tunai yang mencukupi dan menyediakan dana yang cukup bagi memenuhi komitmen daripada perbelanjaan operasi dan liabiliti kewangan.

33. DASAR DAN PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(ii) Risiko Pasaran (Sambungan)

Pengurusan Risiko Modal

Objektif utama pengurusan risiko modal MBOT adalah untuk memastikan terdapat tunai yang mencukupi bagi menyokong keperluan pembiayaan MBOT termasuk perbelanjaan modal serta memastikan bahawa MBOT kekal kukuh dari segi kewangan. MBOT sentiasa memantau aliran tunainya bagi memastikan setiap komitmen MBOT dapat dipenuhi apabila sampai masanya.

34. KOMITMEN

Komitmen Modal

Komitmen adalah peringkat antara perjanjian dimeterai antara dua atau lebih pihak (sama ada yang menandatangani kontrak atau meluluskan undang-undang) dengan keperluan memenuhi syarat perjanjian oleh satu atau lebih pihak, yang mewujudkan obligasi untuk dilaksanakan oleh pihak yang tinggal.

MBOT telah membuat perolehan bagi kerja-kerja pengubahsuaian ruang pejabat dan lain-lain kerja berkaitan pejabat di unit A1-3-3, Ayer@8, Jalan P8G, Presint 8, Putrajaya.

	2023 RM	2022 RM
KOS		
Pada 1 Januari	-	140,220
Pengubahsuaian Pejabat	-	-
Jumlah Kontrak	-	-
Tolak: Pelarasan	-	-
Jumlah keseluruhan	-	140,220
Tolak:		
Bayaran pertama (7/4/2021)	-	-
Bayaran kedua (8/2/2022)	-	(115,896)
Bayaran akhir (7/9/2022)	-	(24,324)
Jumlah	-	-

Kerja-kerja pengubahsuaian telah selesai dijalankan dan bayaran akhir telah dibuat pada tahun 2022.

34. KOMITMEN (SAMBUNGAN)

Komitmen Modal (Sambungan)

MBOT telah membuat perolehan bagi kerja-kerja pembagunan sistem kewangan pada tahun 2023.

	2023 RM	2022 RM
KOS		
Pada 1 Januari	-	-
Pembagunan sistem	-	-
Jumlah Kontrak	312,700	-
Tolak: Pelarasan	-	-
Jumlah keseluruhan	312,700	-
Tolak:		
Bayaran pertama (8/9/2023)	(31,270)	-
Bayaran kedua (11/10/2023)	(62,540)	-
Bayaran akhir (6/12/2023)	(125,080)	-
Jumlah	93,810	-

Jumlah kontrak bagi pembangunan sistem kewangan adalah sebanyak RM312,700 dan bayaran telah dibuat pada tahun 2023 adalah sebanyak RM218,890. Baki bayaran sebanyak RM93,810 masih belum dibayar disebabkan kerja- kerja masih dalam peringkat pembangunan.

Pajakan tidak boleh batal

MBOT berhasrat untuk membeli bangunan baharu pada masa akan datang. Pada masa kini, MBOT masih lagi menyewa di unit A1-3-1 dan A1-3-3 dengan dua pemilik yang berbeza. Butiran kontrak

UNIT	TEMPOH	SYARAT PEMBATALAN KONTRAK
A1-3-1	KONTRAK	Penyewa perlu membayar baki sewaan sehingga kontrak
A1-3-3	3 Tahun 2 Tahun	tamat sekiranya penamatan awal kontrak dibuat Tiada bayaran perlu dibuat sekiranya kontrak ditamatkan lebih awal

Sekiranya MBOT membuat penamatan kontrak lebih awal, MBOT perlu membayar baki sewaan bagi unit A1-3-1 dalam anggaran sebanyak RM400,000.

35. PEMBUNDARAN

Penyata kewangan ini dibundarkan kepada nilai Ringgit terdekat dan pembentangnya tidak mengabaikan maklumat yang material.

36. NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

MBOT tidak menyediakan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar kerana tidak menerima sebarang peruntukan yang diwartakan.

37. ANGKA-ANGKA BANDINGAN

Sebahagian daripada angka-angka bandingan telah diklasifikasikan semula bagi mengambilkira persembahan penyata kewangan tahun kewangan semasa. Pengelasan semula ini melibatkan amaun cukai di penyata kedudukan kewangan seperti berikut:

	SELEPAS PENGKELASAN SEMULA RM	SEBELUM PENGKELASAN SEMULA RM
<u>Aset Semasa</u>		
Cukai	-	37,788
<u>Liabiliti Semasa</u>		
Peruntukan Cukai	54,459	92,247

Pada penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022, amaun cukai telah dipersembahkan di bahagian aset dan liabiliti. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2023, amaun cukai dipersembahkan hanya di bahagian liabiliti sahaja di mana MBOT menyatukan amaun tersebut di dalam satu akaun bagi:

- i. mengelakkan ketidaktepatan amaun tersebut dengan amaun pada nota 18; dan
- ii. memudahkan pembaca penyata kewangan ini menyemak amaun tersebut sama dengan nota.

LAPORAN TAHUNAN 2023



MALAYSIA BOARD OF TECHNOLOGISTS

A1-3-1 & A1-3-3, Ayer@8,
Jalan P8G, Presint 8,
62250 Putrajaya, Malaysia.

Tel No: 03-8800 6268

Email: info@mbot.org.my

Website: www.mbot.org.my